



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 5973]

**Warkah Jawapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku
Zainab binti Tengku Mohamad Putra [Ruangan 5974]**

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 5975]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 5975]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5975]**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18
[Ruangan 6014]**

PENERANGAN OLEH Y.A.B. PERDANA MENTERI [Ruangan 6018]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 6019]

**USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI
PERSENDIRIAN:**

Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1979 [Ruangan 6019]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) [Ruangan 6030]

Rang Undang-undang Acara Kewangan (Pindaan) [Ruangan 6034]

**Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
[Ruangan 6045]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

.. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

.. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**

.. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

.. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

.. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**

.. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

.. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

.. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

.. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

.. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan)

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
„ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
„ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
„ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
„ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
„ TUAN V. DAVID (Damansara).
„ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
„ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
„ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
„ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
„ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
„ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
„ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
„ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
„ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
„ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
„ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
„ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
„ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
„ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
„ TUAN LEE KAW (Keluang).
„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
„ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
„ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
„ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
„ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
„ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
„ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
„ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 11hb Jun, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**PENGUMUMAN
YANG DI-PERTUA
PEMILIHAN YANG DI-PERTUAN
AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima sepucuk surat daripada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia bertarikh 25hb April, 1979 berhubung dengan pemilihan Yang Di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Bunyi surat ini:

“Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat,
Pejabat Parlimen,
Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Tan Sri.

Adalah dengan hormatnya saya memaklumkan iaitu mengikut peruntukan Jadual Ketiga kepada Perlembagaan Persekutuan Majlis Raja-raja dalam Mesyuaratnya Yang Ke14 diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada hari Rabu, 25hb. April, 1979 (Hari Yang Pertama) telah bersetuju mengisytiharkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulai Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, D.K.P., D.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Johor), D.K. (Kelantan), D.K. (Trengganu), S.P.C.M., S.P.M.J., telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia selama tempoh lima (5) tahun mulai daripada 26hb April, 1979.”

**WARKAH JAWAPAN DULI YANG
MAHA MULIA TUANKU ZAINAB
BINTI TENGGU MOHAMAD PUTRA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka juga hendak memaklumkan iaitu Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab binti Tengku Mohamad Putra, bekas Raja Permaisuri Agong, dengan limpah kurnia Baginda telah berkenaan membalas warkah ucapan takziah dari Dewan ini dan warkah tersebut adalah seperti berikut:

Qualuhul Hak Warkatul ikhlas watah fatul ajnas iaitu daripada Beta Tuanku Zainab binti Tengku Mohamad Putra, Raja Permaisuri Agong Malaysia.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Rabbul'alamin ke Majlis Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.P., D.P.M.J., J.M.N., D.S.I.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I. Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia, yang ada beristirehat al Khair pada masa ini di Bandaraya Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan.

Wabakdah ehwal Beta memaklumkan kepada Tan Sri bahawa surat Tan Sri bertarikh 3hb April, 1979 kerana menyampaikan ketetapan yang dibuat oleh Dewan Rakyat Malaysia di atas kemangkatan almarhum Tuanku Yahya Putra, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu sudahlah Beta terima dengan selamatnya dan Beta adalah mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih juga.

Yang demikian Beta mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tan Sri kerana ucapan takziah serta rasa sedih Ahli-ahli sekalian di atas kemangkatan almarhum Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Beta. meminta kelapangan Tan Sri apalah kiranya menyampaikan terima kasih Beta kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat kerana membuat ketetapan yang tulus ikhlas itu.

Sekianlah sahaja Beta maklumkan serta disudahi dengan salam jua adanya.

Termaktub di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 21hb April, 1979."

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenaan mempersetujui Akta Perbekalan Tambahan (1978) 1979 yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuaratnya yang lalu.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka juga memaklumkan bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah bersetuju dengan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. (DR 2/79) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978) 1979.

Tandatangan:

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA."

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PETANI-PETANI DI SARAWAK

1. Tuan Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar

bahawa banyak petani-petani di kawasan-kawasan pertanian/parit dan taliair (kawasan Rancangan Parit dan Taliair) di Sarawak seperti Rancangan di Kampung Lubuk Punggor, Simunjan sekalipun digalak untuk mempelbagaikan pertanian tetapi menghadapi kesulitan yang serious dari segi memasarkan hasil-mahsul seperti jagung, kacang tanah dan lain-lain. Jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar terdapat petani-petani yang menghadapi kesulitan di dalam mencari pasaran hasil-hasil pertanian mereka. Bagi mengatasi masalah ini petani-petani bolehlah mendapatkan bantuan dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam mencarikan pembeli-pembeli atau FAMA sendiri ada membuat belian secara terus terhadap hasil-hasil pertanian dan menyediakan pengangkutan.

Di negara Sarawak FAMA adalah agensi yang mengawasi keadaan pengeluaran dan pemasaran beberapa hasil pertanian dan FAMA juga sedang mengkaji cara-cara bantuan pemasaran yang boleh diberi kepada kawasan-kawasan yang berkenaan.

HASIL MINYAK

2. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah hasil pendapatan telah diperolehi oleh negara daripada sumber alam semula jadi minyak mentah bagi tahun 1974, 1975, 1976, 1977, 1978 dan berapakah akan dijangka boleh diperolehi bagi tahun-tahun yang akan datang;
- (b) bilakah lapuran tahunan PETRONAS akan dikeluarkan dan dibentang di Dewan Rakyat;
- (c) adakah PETRONAS akan dijadikan sebuah badan yang hanya bertanggungjawab terhadap Parlimen, jika tidak, apakah sebabnya.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan (a), hasil yang didapati oleh Kerajaan Persekutuan

daripada minyak mentah untuk tahun 1974 hingga 1978 adalah seperti berikut:

	<i>Cukai Pendapatan</i> (\$ juta)	<i>Royalti</i> (\$ juta)	<i>Jumlah</i> (\$ juta)
1974	144	46	190
1975	322	78	400
1976	322	84	406
1977	776	111	887
1978	771	116	887
Jumlah	<u>2,335</u>	<u>435</u>	<u>2,770</u>

Bagi Kerajaan-kerajaan Negeri pula, hasil Royalti dari minyak mentah adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Royalti</i> (\$ juta)
1974	46
1975	78
1976	84
1977	111
1978	116
Jumlah ..	<u>435</u>

Anggaran hasil Kerajaan Persekutuan dari minyak mentah bagi tahun 1979 adalah sejumlah \$1,000 juta, iaitu \$850 juta dari cukai pendapatan dan \$150 juta dari royalti. Anggaran hasil untuk tahun-tahun akan datang sedang dikaji dan belum dapat ditentukan lagi.

Berkenaan soalan (b), PETRONAS adalah satu syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-syarikat 1965. Seperti syarikat-syarikat yang lain, ianya tidak perlu membentangkan laporan tahunannya di Dewan Rakyat. Walau bagaimanapun, PETRONAS adalah menghantar laporan tahunan serta akaunnya kepada Pendaftar Syarikat-syarikat sebagai dikehendaki oleh Akta Syarikat-syarikat 1965. Akaun PETRONAS adalah didiit pada tiap-tiap tahun. Laporan tahunan dan akaun PETRONAS itu boleh disemak di Pejabat Pendaftar Syarikat-syarikat, seperti juga laporan dan akaun syarikat-syarikat yang lain.

Bagi menjawab soalan (c), sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, mengikut

Akta Kemajuan Petroliaam, 1974, PETRONAS adalah bertanggungjawab secara langsung kepada Perdana Menteri. Oleh kerana Perdana Menteri adalah bertanggungjawab kepada Parlimen, maka PETRONAS, melalui Perdana Menteri, adalah juga bertanggungjawab kepada Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana hasil pendapatan daripada minyak dalam 4 tahun ini yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, begitu besar dekat \$3,000 juta, adakah Kerajaan berniat untuk pertama, memperuntukkan lebih wang untuk negeri Sarawak memerangi kemiskinan dan kemunduran yang menjadi masalah begitu besar dan kedua, oleh kerana hingga sekarang hasil pendapatan ini merupakan sumbangan terbesar daripada negeri Sarawak, adakah Kerajaan berniat untuk meninggikan bayaran royalti kepada negeri dari kadar 5% kepada sekurang-kurangnya 10% supaya negeri Sarawak mempunyai lebih wang untuk digunakan bagi memerangi kemiskinan dan kemunduran.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa pilih Sarawak sahaja?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana saya baru balik daripada Sarawak (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik kerana Ahli Yang Berhormat itu mengambil berat sangat dengan Sarawak. Kita mengetahui ini ialah sebagai rehearsal kepada pilihanraya yang akan datang di SARAWAK (*Tepuk*). Kalau Ahli Yang Berhormat mengetahui perjanjian-perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan dengan royalti dan sebagainya

peruntukan ataupun pembayaran ialah mengikut perjanjian yang ada. Kerajaan Persekutuan telah menerima permohonan daripada Kerajaan Sarawak supaya menimbang semula peratus royalti yang ada sekarang ini iaitu 5% supaya ditambahkan lagi. Ini adalah di dalam pertimbangan Kerajaan Persekutuan.

Walaupun demikian, bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat dan barangkali boleh digunakan dalam pilihanraya yang akan datang, Kerajaan Persekutuan banyak memberi bantuan-bantuan di bawah peruntukan pembangunan di negeri Sarawak. Ahli Yang Berhormat boleh menengok sendiri daripada peruntukan yang ada di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan yang ditambahkan dalam Kajian Semula Separuh Penggal. Ini semua ialah peruntukan-peruntukan bagi memberi peluang pembangunan di negeri Sarawak.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa sungguhpun PETRONAS bertanggungjawab kepada Parlimen melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi oleh kerana PETRONAS dikanunkan di bawah Akta Syarikat, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa melalui cara ini tidak ada satu peluang di mana Parlimen boleh mengadakan satu check atau control terhadap perbelanjaan atau cara perjalanan PETRONAS. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak mengadakan satu cara di mana Public Accounts Committee atau Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat boleh memeriksa akaun-akaun PETRONAS supaya Parlimen mempunyai cara langsung untuk menjaga hal-hal PETRONAS?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui iaitu sistem sekarang mengikut undang-undang yang ada, kalau sesebuah syarikat itu didaftarkan di bawah Akta Syarikat-syarikat maka ia mengikut kehendak peraturan syarikat. Begitu juga Ahli Yang Berhormat mengetahui di bawah Akta Petroleum, saya sendiri bertanggungjawab secara langsung dan ini ialah tanggungjawab saya. Oleh kerana itu saya terpaksa dan mesti menjawab pertanyaan-pertanyaan, maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh Dewan ini.

Ini mengikut peraturan dan undang-undang yang ada. Sama ada cara ini dipersetujui atau disukai oleh Ahli Yang Berhormat itu, itu perkara lain.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE REPUBLIK RAKYAT CHINA (R.R.C.)

3. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) apakah perkara-perkara yang penting telah dibincangkan dengan pemimpin-pemimpin Negeri China semasa lawatan beliau ke Peking baru-baru ini; dan
- (ii) apakah hasil-hasil yang tertentu telah dicapai dari lawatan ke Republik Rakyat China itu.

4. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada semasa lawatannya ke Negeri Republik China, beliau telah berbincang dengan pemimpin-pemimpin China akan perkembangan militer Soviet yang kian nyata kapal-kapal tentera laut Soviet dan implikasi-implikasi dan ancamannya dengan terhadap kedamaian dan kestabilan di Asia, dan nyatakan pendirian dan persepsi rasmi Kerajaan Malaysia tentang perkembangan militer Soviet ini yang kian meningkat serta nyatakan bagaimana ia boleh menjejaskan cadangan ZOPFAN Asean.

13. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) hasil lawatannya ke Negeri Republik Rakyat China baru-baru ini;
- (b) sama ada beliau telah membangkitkan soal 250,000 orang rakyat China yang tiada bernegara di negeri ini dalam perbincangannya dengan pemimpin-pemimpin Negeri China; dan
- (c) nyatakan sama ada sekatan-sekatan ke atas lawatan-lawatan sosial ke Negeri China akan dilonggarkan untuk membolehkan rakyat Malaysia melawat Negeri China, jika tidak, mengapa.

21. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri memberi satu laporan mengenai lawatannya baru-baru ini ke Republik Rakyat China dan juga nyatakan sama ada perjanjian-perjanjian telah pun ditandatangani untuk

memperluaskan perdagangan dan memperoleh sebahagian besar bakal pasaran besar yang sedia ada di Negeri China.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan No. 4 daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling, Soalan No. 13 daripada Ahli Yang Berhormat dari Kluang, dan soalan No. 21 daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban, kerana semua soalan ini adalah mengenai lawatan saya ke Republik Rakyat China (R.R.C)

Saya telah membuat lawatan rasmi ke Republik Rakyat China dari 2hb hingga 9hb Mei, 1979 atas undangan Kerajaan negara itu, dan sebagai membalas lawatan Naib Perdana Menteri Teng Hsiau Peng ke Malaysia pada akhir tahun 1978.

Saya telah membawa satu rombongan yang mengandungi beberapa orang Menteri dan pegawai-pegawai daripada Kementerian-kementerian, serta juga wakil-wakil pihak perdagangan dan perindustrian swasta.

Selain daripada melawat ibukota Peking, kami telah juga mengunjungi daerah-daerah dan bandar-bandar lain, iaitu Shanghai, Hangchow dan Canton.

Tujuan lawatan saya ke R.R.C. itu ialah untuk mengunjungi dan berkenalan dengan pemimpin-pemimpin negara itu, dan berbincang serta bertukar-tukar fikiran mengenai masalah-masalah antarabangsa dan masalah-masalah serantau yang ada kaitan dengan kepentingan kedua-dua negara, serta dalam bidang-bidang hubungan dua hala antara Malaysia dan R.R.C.

Semasa lawatan itu, saya telah dapat melihat secara dekat sistem politik dan sosial R.R.C. dan cara pemerintahan Kerajaannya. Saya telah juga melihat bagaimana Republik itu mengendalikannya sistem ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak ke R.R.C. kira-kira lima tahun yang lalu, banyak perubahan telah berlaku di kedua-dua negara, di Asia Tenggara, di Benua Asia dan di dunia. Oleh itu lawatan saya itu adalah mustahak dan bermakna.

R.R.C. di bawah pucuk pimpinan barunya telah menunjukkan sikap baru pula, dan mempunyai pandangan yang lebih luas lagi terhadap masalah-masalah antarabangsa dan serantau. Oleh kerana R.R.C. adalah sebuah negara yang besar, maka dasar dan aktiviti-aktivitinya sudah tentu akan memberi kesan keseluruh dunia, khususnya ke negara-negara jiran dan serantau. Oleh yang demikian adalah mustahak bagi Malaysia mengetahui serta memahami sikap dan pendirian negara itu, terutama di dalam perkara-perkara yang menyentuh kepentingan negara kita. Di dalam perbincangan saya dengan pemimpin-pemimpin negara itu, saya telah diberitahu tentang pendirian negara itu terhadap beberapa perkembangan antarabangsa dan serantau, dan saya telah dapat memahami sensitiviti negara itu mengenai perkara-perkara tersebut. Dibalikannya, untuk kepentingan Malaysia sendiri, saya juga telah menerangkan kepada pemimpin-pemimpin negara itu tentang sikap dan pendirian kita mengenai masalah-masalah tersebut.

Mengenai perkembangan politik antarabangsa, kami telah berbincang mengenai pergolakan-pergolakan di Asia Barat, Selatan Afrika dan hubungan antara kuasa-kuasa besar, serta peranan mereka di arina antarabangsa. Hasrat negara-negara membangun untuk mengujudkan dasar ekonomi antarabangsa yang baru, dan masalah-masalah mereka dalam hubungan dengan negara-negara maju di bidang ekonomi, telah juga dibincangkan.

Mengenai masalah serantau, kami telah bertukar-tukar fikiran dan pendapat mengenai pergolakan di Indochina. Saya telah menyatakan bahawa Malaysia dan rakan-rakannya dalam ASEAN adalah memandang berat dan berasa kluatir di atas pergolakan itu, dan meminta pihak-pihak yang terlibat supaya menunjukkan kesabaran dan tidak memperluaskan lagi pergolakan itu. Saya telah juga menjelas dan menegaskan lagi konsep dan matlamat ASEAN untuk menjadikan Asia Tenggara ini sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali. Pada hemat saya, pemimpin-pemimpin R.R.C. adalah memahami dan menghormati pendirian dan pendapat kita itu.

Di dalam hubungan dua hala, saya telah mengulangi dan menegaskan bahawa asas

perhubungan antara Malaysia dan R.R.C. adalah berdasarkan kepada Kenyataan Bersama 1974, yang telah ditandatangani oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bersama mendiang Chou En Lai. Pemimpin-pemimpin R.R.C. telah menyatakan bahawa mereka akan terus menghormati asas perhubungan dalam Kenyataan Bersama itu. Seterusnya, kami telah membincangkan hubungan dua hala dibidang perdagangan, kebudayaan dan sukan.

Saya telah memberitahu pemimpin-pemimpin R.R.C. bahawa dewasa ini kebanyakan dagangan R.R.C. Malaysia adalah melalui negara-negara ketiga. Oleh itu, kita hendaklah menambahkan lagi dagangan terus di antara kedua-dua negara. Pemimpin-pemimpin R.R.C. juga memahami hasrat Malaysia untuk memperimbangkan dagangan di antara kedua buah negara yang sekarang ini adalah lebih menguntungkan pihak R.R.C. R.R.C. di dalam program memodenkan dan mengembangkan industrinya, memerlukan barang-barang mentah seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit, yang sejumlah besarnya boleh dibeli dari Malaysia. Malaysia pula boleh menambahkan pembelian barang-barang makanan dan perindustrian dari Republik itu. Dari perbincangan-perbincangan itu, saya yakin perdagangan di antara kedua buah negara akan bertambah dari masa ke semasa.

Kami telah juga bersetuju untuk mengkaji bagaimana meningkatkan lagi kerjasama ekonomi dan teknik untuk munafaat kedua-dua buah negara. Saya telah memberitahu pemimpin-pemimpin R.R.C. bahawa Malaysia sedia membantunya, terutama dengan memberi khidmat pakar di bidang perindustrian getah, kelapa sawit dan bijih timah. Adalah diharapkan bantuan pakar dalam bidang-bidang itu akan dapat menambahkan perdagangan barang-barang mentah itu.

Wakil-wakil dari industri getah, kelapa sawit dan pegawai-pegawai dari Dewan Perniagaan dan Persatuan Pengeluar yang turut dalam rombongan saya telah membuat perhubungan dan mengadakan perbincangan dengan pihak R.R.C. Pertemuan seperti ini adalah perlu untuk mengkaji jalan-jalan bagi menambahkan perniagaan. Saya mendapat tahu wakil-wakil Malaysia itu telah dapat memahami dengan lebih mendalam keadaan

pasaran yang terdapat di R.R.C. Saya harap perbincangan awal itu akan diikuti pula dengan perjumpaan dan perbincangan yang lebih mendalam lagi di bidang-bidang yang diminati dan seterusnya dapat dilaksanakan. Saya yakin bahawa perdagangan di antara kedua buah negara akan terus berkembang.

Kami telah juga bersetuju untuk meningkat dan menggalakkan lagi pertukaran-pertukaran di bidang sukan dan kebudayaan, untuk menjalin hubungan muhibbah di antara kedua belah pihak.

Walaupun tiada apa-apa perjanjian yang telah ditandatangani semasa lawatan saya ke R.R.C. itu, sukalah saya menyatakan bahawa pihak pegawai-pegawai kita telah menerima dan sedang mengkaji rangka Perjanjian Perdagangan dan Perjanjian Udara.

Berkenaan dengan perkara rakyat China yang tidak bernegara yang ada di Malaysia, yang dibangkitkan dalam soalan Ahli Yang Berhormat dari Kluang itu, saya tidak membincangkannya. Walau bagaimanapun, sebagaimana dinyatakan dalam Kenyataan Bersama 1974, Kerajaan Republik Rakyat China menghendaki mereka supaya mematuhi undang-undang negeri ini, dan hidup dengan rukun damai serta bekerjasama sepenuhnya dengan lain-lain penduduk Malaysia.

Mengenai sekatan-sekatan untuk membuat lawatan sosial ke R.R.C., pada masa ini Kerajaan tidak dapat melonggarkannya. Perkara ini perlu dikaji dengan mendalam terlebih dahulu.

Melalui lawatan itu, saya telah dapat berkenalan dan menjalinkan rasa muhibbah dengan pucuk pimpinan baru R.R.C. Saya telah dapat menjelaskan, dan mereka telah memahami serta menghormati pendirian kita mengenai masalah-masalah antarabangsa, serantau dan perhubungan dua hala.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada dalam kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberitahu bahawa tentang sekatan-sekatan ke atas lawatan-lawatan sosial ke Negeri Republik Rakyat

China Kerajaan hendaklah mengkaji lebih dalam lagi. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu apakah yang menjadi obstacle kepada kelonggaran sekatan-sekatan ini khususnya selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri melawat Republic Rakyat China dan juga setelah memahami keadaan sedalam-dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua: Soal itu patut ditanya sebagai soal asas bukan soalan tambahan kerana ini sudah dinyatakan Kerajaan akan mengkaji dengan mendalam, itulah jawapan atau sebabnya.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya hanya mahu tahu apakah yang menjadi halangan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh beri kebenaran, tidak payah jawab.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan.....

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang dikemukakan, perkara ini barangkali mustahak bagi penduduk-penduduk di negara ini. Sebabnya saya memberi jawapan demikian oleh kerana perkara ini hendak dikaji secara mendalam dan berkenaan dengan lawatan-lawatan sosial ini ada akibat buruk dan baiknya. Satu daripadanya yang kita mesti pertimbangkan dengan teliti dan mendalam ialah masalah keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, tentu memahami iaitu sebagaimana yang dipersetujukan dan sebagaimana yang diterangkan oleh Republik Rakyat China iaitu dia masih menyokong parti-parti komunis yang ada di dalam negara ini. Itu satu daripada perkara-perkara yang mesti diperhitungkan sebelum kita menimbangkan berkenaan kelonggaran lawatan sosial ke negara China itu dan ini saya mengambil satu bidang sahaja. Yang penting ialah dari segi keselamatan dan dengan adanya polisi dan pendirian yang kita terima dan seperti mana yang telah diterangkan dan telah dipersetujukan di dalam Communique Bersama tahun 1974. Ini satu daripada sebab-sebab yang saya kata mesti dikaji dengan mendalam sebelum dapat kita menentukan boleh melonggarkan atau tidak.

MINYAK DIESEL—CATUAN

5. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah faktor-faktor yang menyebabkan kesulitan mendapat minyak disel;
- (b) adakah catuan minyak disel yang dijual itu mendapat kebenaran dari Kerajaan; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang hendak melebihi quota pengimpot-pengimpot minyak tersebut, jika tidak, mengapa.

9. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) bilangan syarikat-syarikat minyak hingga ini yang telah mengemukakan permohonan-permohonan mereka untuk menaikkan harga minyak dan sebutkan syarikat-syarikat ini;
- (ii) apakah yang sedang dibuat oleh Kementerian ini kepada permohonan-permohonan ini;
- (iii) adakah Kerajaan akan menolak permohonan-permohonan ini memandangkan kepada kenyataan yang dibuat oleh Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, pada 24hb April, 1979 bahawa syarikat-syarikat minyak telah membuat keuntungan yang banyak dan Kerajaan tidak ingin mengenakan beban yang lebih berat kepada rakyat.

17. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada kenaikan harga disel disebabkan oleh kekurangan bahan tersebut atau kerana syarikat-syarikat minyak berbagai bangsa bertujuan membuat keuntungan yang banyak; sama ada beliau sedar tentang kesusahan dan kesulitan yang menimpa terutama kepada nelayan-nelayan, pengusaha-pengusaha syarikat bas dan pemandu-pemandu teksi akibat kekurangan disel baru-baru ini; dan sama ada beliau dapat memberi jaminan bahawa harga disel tidak akan dinaikkan dalam masa yang tidak lama lagi dan juga akan terdapat bekalan yang berterusan di pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang

di-Pertua, saya telah menerima beberapa soalan terhadap harga dan bekalan barang-barang petroleum. Kebanyakan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam soalan-soalan ini telahpun diatasi dengan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan baru-baru ini mengenai harga minyak dan juga telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 1hb Jun, 1979. Saya bercadang di sini untuk memberi jawapan yang lengkap yang akan meliputi soalan-soalan mengenai harga dan bekalan minyak yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar soalan yang kelima, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar soalan yang kesembilan, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan soalan yang ketujuhbelas dan juga menjawab kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 15hb Jun, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong 20hb dan 26hb Jun dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bacok pada 20hb Jun.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan bekalan minyak mentah dunia pada masa ini adalah dalam keadaan ketat. Adalah dianggarkan bahawa pada masa ini dunia sedang menghadapi kekurangan bekalan minyak mentah sebanyak 2 juta tong sehari. Kedudukan bekalan yang berkurangan pada masa ini merupakan faktor utama yang menyebabkan kenaikan harga minyak mentah pada paras yang tinggi. Semua negara-negara bahkan negara yang mengeluarkan dan mengexport minyak atau OPEC telah memahami surcharge atau premium yang tinggi di antara US\$1.20 hingga US\$4.00 sebagai tambahan kepada asas harga minyak mentah yang telah ditetapkan oleh OPEC pada masa ini iaitu US\$14.55 bersamaan M\$32.01 tiap-tiap satu tong jenis Arab Light.

Pada masa ini pasaran eksport minyak mentah adalah dijual pada harga di antara US\$25 hingga US\$28 satu tong. Tanda-tanda menunjukkan bahawa harga eksport di jangka akan meningkat kepada paras yang lebih tinggi di masa yang akan datang. Setengah syarikat-syarikat minyak telahpun menerima kenyataan pemotongan bekalan dan ada juga syarikat minyak yang telah menerima potongan bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Malaysia merupakan sebuah negara pengeluar dan

pengekspot minyak, negara kita tidak boleh dikecualikan daripada kesan kekurangan minyak mentah di pasaran antarabangsa dan juga kesan daripada harga minyak yang tinggi pada masa ini. Pada amnya minyak kita itu mencukupi bagi keperluan kita sekiranya dikira daripada jumlah tong minyak yang kita gunakan tiap-tiap hari dengan jumlah tong-tong minyak yang dikeluarkan tiap-tiap hari. Akan tetapi minyak kita itu mempunyai mutu yang agak tinggi sedikit jika dibandingkan dengan minyak-minyak dari negara-negara Asia Barat dan sekiranya kita menapiskan minyak-minyak kita sendiri ianya tidak akan mengeluarkan jenis barang-barang petroliam dengan jumlah yang mencukupi bagi keperluan kita. Misalnya, sekiranya minyak kita ditapis dengan sepenuhnya ia tidak akan mengeluarkan minyak gasoline dengan mencukupi bagi keperluan kita, sebaliknya ia akan mengeluarkan minyak diesel dan kerosene yang berlebihan. Untuk mendapatkan jenis barang-barang petroliam yang mencukupi bagi keperluan kita minyak tempatan hendaklah dicampur dengan minyak daripada negara Asia Barat.

Pada masa ini sebanyak 30% daripada keperluan kita dipenuhi daripada minyak mentah tempatan, tambahan pula kilang-kilang penapis kita telah didirikan dengan tujuan menapis minyak mentah daripada Asia Barat. Adalah sukar bagi kilang-kilang ini semua menapis minyak mentah tempatan. Dalam keadaan begini seperti saya katakan sebentar tadi negeri kita tidak dapat dikecualikan daripada kesan kekurangan minyak mentah di pasar dunia dan juga kesan daripada harga minyak mentah yang tinggi sekarang. Oleh kerana harga minyak mentah meningkat di pasaran antarabangsa, kelima-lima syarikat minyak yang ada di sini iaitu Shell, Esso, Caltex, BP dan Mobil telah memohon kenaikan harga barang-barang minyak jualan mereka. Syarikat-syarikat minyak telah memohon kenaikan harga purata sebanyak 18.4 sen bagi tiap-tiap satu gelen barang-barang petroliam berasaskan kepada kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia.

Seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 1hb Jun tahun ini Kerajaan telah mengkaji permohonan syarikat-syarikat minyak dengan

telitinya dan setelah mengambil perhatian terhadap faktor-faktor seperti inflasi, bekalan, kedudukan syarikat-syarikat minyak dan kesan kenaikan harga kepada pengguna-pengguna bersetuju meluluskan kenaikan harga purata sebanyak 10 sen segelen berbanding dengan permintaan mereka sebanyak 18.4 sen segelen. Kenaikan 10 sen segelen dilaksanakan melalui kenaikan harga minyak petrol premium dan regular sebanyak 10 sen segelen, diesel sebanyak 2 sen segelen dan kerosene sebanyak 28 sen segelen. Kerajaan telah membenarkan hanya kenaikan sebanyak 2 sen segelen bagi minyak diesel dan 28 sen segelen bagi minyak tanah (kerosene) dengan sebab-sebab yang tertentu. Salah satu daripada sebab-sebab yang terpenting ialah untuk mengelakkan kesan inflasi yang mungkin menimpa ekonomi negara ini. Misalnya jika harga minyak diesel dinaikkan dengan banyak maka kos pengeluaran, pengangkutan dan lain-lain lagi akan turut juga meningkat, dan kenaikan kos ini akan mengakibatkan kenaikan harga barang-barang dan tambang-tambang pengangkutan, sementara itu kenaikan yang berlebihan bagi minyak tanah adalah perlu. Tindakan ini dilakukan dengan tujuan mengurangkan perbezaan harga antara kedua-dua barang-barang petroliaam ini, iaitu diesel dengan kerosene untuk mengelakkan penggantian dan cross-flow yang mana akan menjejaskan bekalan minyak tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa kenaikan harga barang-barang petroliaam terpaksa dilakukan kerana paras harga pasaran antarabangsa telah meningkat dengan banyak. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada kenaikan tersebut ditampung oleh Kerajaan melalui pemberian subsidi sebanyak 13 sen segelen bagi diesel dan 26 sen segelen bagi minyak tanah. Adalah tidak wajar bagi Kerajaan menampung semua kenaikan harga barang-barang petroliaam kerana harga yang terlalu rendah di negara ini jika dibandingkan dengan negara-negara jiran akan menimbulkan masalah penyeludupan dan ini tidak akan memberi faedah kepada pengguna-pengguna.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa kenaikan harga 28 sen

untuk segelen minyak tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan adalah dianggap sebagai sukar dipikul oleh rakyat yang miskin, rakyat di luar bandar dan juga di kampung-kampung baru. Jika beliau sedar, bolehkah Kerajaan menimbang untuk mencari satu jalan yang lebih positif untuk mengatasi masalah ini

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi Kerajaan telah titikberatkan implikasi kenaikan harga semua jenis barang petroliaam termasuk minyak tanah dan dengan sebab-sebab yang saya katakan tadi harga kerosene ini terpaksa naik kepada \$1.10 dan seperti saya katakan tadi inipun akan memakan subsidi daripada Kerajaan sebanyak \$51 juta. Jadi kalau kesan ini, khususnya terhadap kaum yang miskin itu, kita boleh meneliti dan Kementerian saya ini mesti boleh buat apa-apa cadangan kepada Kerajaan.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan walaupun harga diesel sudah naik 2 sen tetapi syarikat-syarikat minyak Shell, Mobil, Esso dan lain-lain mereka ikut lagi quota tidak rasmi kepada stesyen-stesyen dengan sebab kenderaan seperti lori atau kereta ada bertambah tiap-tiap tahun, jadi minyak mesti ditambah tetapi syarikat minyak ikut quota yang tidak rasmi atau pre-planning.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Lee Kaw: Kekurangan diesel seluruh Malaysia selain daripada di mana PETRONAS ada 3 pam kecil dalam Kuala Lumpur sahaja.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi bekalan diesel dan juga semua barang petroliaam pada masa ini mencukupi tetapi seperti saya katakan tadi ada kemungkinan bekalan minyak mentah yang dibekal kepada syarikat minyak ini dikenakan potongan tetapi kita telah mendapat jaminan daripada syarikat-syarikat minyak untuk membekalkan diesel dan lain-lain barang petroliaam untuk detail atau ex-pump dengan mencukupinya dan saya rasa pada masa ini tidak harus berbangkit masalah kekurangan.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa krisis

kekurangan minyak disel nampaknya di Kuala Lumpur bernasib baik, PETRONAS ada mengambil bahagian mengadakan pump station setidak-tidaknya tiga tempat. Adakah Kementerian bercadang hendak membenarkan PETRONAS ini membukakan pump station di negeri-negeri lain sama?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS ada rancangan untuk membuka stesyen ini di merata-rata tempat tetapi ini akan memakan masa dan kita yakin PETRONAS boleh memenuhi kekurangan yang dibekalkan oleh syarikat minyak dan PETRONAS.

GANGGUAN BEKALAN LETRIK

6. **Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos adakah beliau sedar bahawa terdapat banyak kali berlaku pemotongan bekalan tenaga kuasa di Petaling Jaya, yang mana telah menjejaskan perniagaan, rumah-rumah dan kilang-kilang hingga menyebabkan kerugian yang besar. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menghalang agar keadaan yang demikian tidak berulang dimasa-masa yang akan datang. Adakah benar bahawa mutu kecekapan telah merosot di Lembaga Letrik Negara sehingga tidak mampu baginya menampung keperluan para pengguna.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kawasan Petaling Jaya kadangkala mengalami gangguan bekalan letrik. Gangguan-gangguan ini adalah disebabkan oleh pemotongan yang dirancang gangguan oleh sebab kerosakan dan pemotongan-pemotongan kecemasan. Pemotongan dirancang adalah perlu dilalukan bagi membolehkan kerja-kerja dibuat:

- (a) Bagi membolehkan kerja-kerja selenggaraan tertentu ke atas pemasangan.
- (b) Menukarkan alatubah iaitu dari muatan yang rendah kepada muatan yang lebih tinggi.
- (c) Menyambung suis baru untuk disambung ke pencawang-pencawang baru.

Biasanya sebelum LLN memotong bekalan letrik bagi membolehkan kerja-kerja tersebut

dijalankan ia akan memberi notis kepada pihak-pihak yang akan terlibat.

Gangguan-gangguan akibat kerosakan biasanya berpunca dari kerosakan kebel-kebel. Tetapi LLN setelah dapat mengesan kerosakan itu akan segera membaikinya dan memulihkan bekalan letrik secepat mungkin.

Gangguan akibat pemotongan kecemasan ini terpaksa dibuat dalam keadaan operasi luar biasa. Pemasangan ini terpaksa dikeluarkan dari sistem sebelum satu-satu kerosakan besar berlaku.

Selain daripada itu sambungan-sambungan haram juga boleh menyebabkan berlaku gangguan bekalan letrik. Ini terjadi apabila pengguna-pengguna tenaga letrik melebihi had yang telah ditetapkan maka berlaku overloading di pencawang-pencawang dan akhirnya berlaku fuis perlindungan terbakar dan putus bekalan ke pengguna-pengguna di kawasan berkenaan.

LLN sedang berusaha untuk mengurangkan kejadian gangguan letrik keparas yang paling minima bukan sahaja untuk kawasan Petaling Jaya bahkan di seluruh negara. Bagi mengurangkan kejadian gangguan akibat pemotongan kecemasan LLN akan mengambil tindakan menyalurkan bekalan semula dari punca-punca lain secepat mungkin. Bagi mengelakkan berlaku sambungan haram LLN juga sedang bergiat membuat pemeriksaan mengejutkan ke tempat-tempat yang disyaki.

Adalah tidak benar jika dikatakan mutu kecekapan LLN telah merosot.

LLN dari masa ke semasa akan terus berusaha meninggikan lagi mutunya dan berusaha memenuhi kehendak-kehendak pengguna bagi memberi bekalan letrik sebanyak-banyak yang boleh.

ETHIKA PERKHIDMATAN CEMERLANG

7. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa (i) Ethika Perkhidmatan Cemerlang sekarang ini di terima dengan berbagai perasaan oleh kalangan kakitangan Kerajaan dan kebanyakannya tidak peduli akan ethika ini dan pelaksanaannya, dan (ii) taraf perkhidmatan kakitangan Kerajaan dan keputusan mereka kepada Perintah Am dan

Peraturan Pejabat dalam negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat adalah lebih buruk dari keadaan sebelum Merdeka, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang pertama ialah tidak sedar. Dalam hal ini saya suka menegaskan bahawa apabila Kerajaan melancarkan buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang tersebut, reaksi daripada kalangan kakitangan Kerajaan adalah sangat memuaskan. Di samping itu haruslah disedari bahawa dalam jangka masa pembaharuan, kemungkinan timbul beberapa masalah dari keadaan seperti ini, memang tidak dapat dielakkan di mana-mana juaupun.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengambil semua tindakan untuk menjelaskan dengan lebih mendalam konsep-konsep, falsafah-falsafah dan idea-idea yang terdapat dalam buku ini melalui ceramah-ceramah, taklimat-taklimat dan sebagainya, bagi menghapuskan sebarang kekeliruan yang mungkin timbul.

Mengenai kepatuhan mereka akan Perintah Am dan peraturan pejabat, perkara itu tidaklah lebih buruk daripada keadaan sebelum merdeka. Sebenarnya Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk memperbaiki taraf Perkhidmatan Awam dan saya suka menjelaskan bahawa agensi-agensi seperti Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri (UPTM) adalah ditubuhkan khasnya untuk mengkaji taraf perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam dan untuk mengesyorkan cadangan-cadangan bagi memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan itu.

Begitu juga Kerajaan telah mengadakan Biro Pengaduan Awam di Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 1971 untuk membolehkan rakyat membuat pengaduan sekiranya terdapat kelemahan-kelemahan di jabatan atau agensi-agensi Kerajaan.

KADAR KEMATIAN BAYI

8. **Tuan Hashim bin Endut** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kadar kematian bayi di negara ini

adalah salah satu yang paling tinggi di dunia dengan kadar 3.2% setahun dan ianya pesat berlaku di kawasan luar bandar di beberapa buah negeri seperti Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis yang mana perlu mendapat perhatian khas dari Kementerian. Jika ya, menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebabnya kematian ini berlaku; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian ini untuk mengurangkan kadarnya dari segi jangka masa panjang dan pendek.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua kenyataan bahawa kadar kematian bayi di negara ini adalah satu yang paling tinggi di dunia adalah tidak benar. Perkara kematian bayi di negara ini pada tahun 1976 mengikut dasar yang ada ialah 30.74 bagi tiap-tiap 1,000 kanak-kanak yang dilahirkan hidup. Angka ini adalah tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara maju. Akan tetapi ada juga negara-negara barat mengalami kadar yang lebih tinggi daripada Malaysia. Di rantau ini Malaysia merupakan salah sebuah negara dengan kadar kematian bayi yang rendah. Kadar kematian bayi di negara ini beransur-ansur turun sejak merdeka iaitu 36 pada tahun 1957 kepada 45 pada tahun 1977 hingga 30.74 pada tahun 1976. Sungguhpun kadar ini di negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis adalah tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, kadar kematian bayi negeri-negeri ini bertambah baik pada tahun-tahun lepas.

Kementerian Kesihatan sedang menggiatkan aktiviti-aktiviti kesihatan di luar bandar khasnya perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak, kebersihan alam sekeliling dengan pemilihan tandas dan bekalan air yang sempurna dan juga kawalan penyakit-penyakit berjangkit yang mengakibatkan kematian kanak-kanak kecil. Perhatian juga diberi kepada kawasan-kawasan terpencil dan di mana kemudahan kesihatan tidak mencukupi melalui rancangan Pergerakan Kesatuan Masyarakat, Pusat-pusat Kesihatan dan Klinik-klinik Desa. Klinik-klinik akan didirikan di kawasan yang sebenarnya memerlukan perkhidmatan berasaskan kepada masalah-masalah kesihatan yang dihadapi.

Selain daripada ini, kakitangan kesihatan ditambah untuk menjayakan rancangan khas seperti Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan, Rancangan Kesihatan Sekolah dan sebagainya. Mutu perkhidmatan juga sedang diperbaiki dengan menumpukan perhatian khas kepada ibu-ibu dan kanak-kanak dalam golongan "priority" iaitu mereka yang memerlukan tindakan khas kerana keadaan yang membahayakan kesihatan mereka, negeri-negeri yang disebutkan diberi keutamaan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan ini.

Selain daripada memperbaiki perkhidmatan kawasan faktor-faktor lain juga perlu diperbaiki untuk mengurangkan kadar kematian bayi.

Faktor-faktor seperti memperbaiki keadaan sosio-ekonomi masyarakat, pelajaran, komunikasi dan lain-lain adalah faktor-faktor penting untuk menurunkan kadar kematian kanak-kanak kerana kadar ini ialah satu petunjuk untuk keadaan taraf sosio-ekonomi sesuatu negara. Dalam kesemua program ini, kerjasama ibubapa adalah diharapkan supaya kesihatan anak-anak mereka dapat diberikan jagaan yang rapi.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No. 9 sama seperti soalan No. 2 tadi dan sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekarang Tuan Lim Kit Siang.

KEMASUKAN PELAJAR-PELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah bilangan permohonan untuk masuk ke dalam kelima-lima Universiti Tempatan yang diterima bagi tahun akademik baru 1979-1980, dengan memberikan angka-angka menurut perpecahan kaum;
- (b) jumlah bilangan pemohon-pemohon yang berjaya diterima oleh kelima-lima Universiti Tempatan, dengan memberikan angka-angka menurut perpecahan kaum; dan
- (c) pengambilan pelajar-pelajar masing-masing oleh kelima-lima Universiti

Tempatan, dengan memberikan angka-angka menurut perpecahan kaum.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) bilangan pemohon untuk kursus Ijazah di kelima-lima Universiti Tempatan bagi sesi 1979/80 adalah seperti berikut:

Bumiputra	8,339
Bukan Bumiputra	6,759
Jumlah:				<u>15,098</u>

- (b) Jumlah pemohon-pemohon yang ditawarkan tempat adalah:

Bumiputra	3,400
Bukan Bumiputra	1,800
Jumlah				<u>5,200</u>

Angka-angka ini ialah angka-angka sementara dan sedekat-dekat yang boleh didapati setakat ini berasaskan kepada faktor-faktor yang diberi di dalam jawapan kepada soalan C berikut.

Sebagai bandingan bagi tahun lepas, angka-angka pengambilan adalah seperti berikut:

Bumiputra	3,070
Bukan Bumiputra	1,550
Jumlah				<u>4,620</u>

- (c) Pada saat ini dan di sepanjang bulan Jun dan Julai, angka pengambilan muktamat masih belum dapat dipastikan lagi. Ini ialah disebabkan beberapa faktor, di antaranya seperti berikut:
 1. Tarikh pembukaan Universiti berbeza di antara satu sama lain.
 2. Walaupun sesuatu Universiti itu memulakan sessinya, terdapat penukaran-penukaran yang berlaku seperti pelajar-pelajar yang tidak menerima tawaran, pelajar-pelajar yang bertukar kursus, pelajar-pelajar yang bertukar Universiti atau pelajar-pelajar yang mengambil tempat untuk mengisi apa jua kekosongan.

Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan bahawa sebagai dasar pengambilan pelajar meliputi kelima-lima Universiti Tempatan, peratus pengambilan bagi bumiputra ialah 64% dan bagi bukan bumiputra ialah 36%. Dibandingkan dengan 66% bagi bumiputra dan 34% bagi bukan bumiputra bagi tahun lepas.

Berasas kepada kenyataan saya di Dewan yang mulia ini ketika menjawab soalan Yang Berhormat dari Petaling sendiri pada 19hb Mac, 1979 sukalah saya menyatakan sekali lagi bahawa strategi Kementerian Pelajaran ialah:

1. Memperibadikan angka-angka pengambilan ke Universiti dan Institut Pelajaran Tinggi dari segi jangka panjang dan meliputi dalam dan luar negeri.
2. Universiti-universiti Tempatan diberi peranan utama menambahkan bilangan bumiputra terlatih untuk menampung keperluan-keperluan jangka panjang hasrat Dasar Ekonomi Baru.

Kalau diteliti angka kasar seperti terkandung di dalam jawapan kepada soalan-soalan (a) dan (b) di atas, jelaslah boleh dilihat bagaimana begitu ramai anak-anak muda kita yang berkelulusan minima tetapi terpaksa ditolak oleh sebab kekurangan tempat. Yang penting diambil ingatan di sini ialah bahawa bilangan mereka yang terpaksa ditolak meliputi kedua-dua pihak Bumiputra dan Bukan Bumiputra, iaitu bagi Bumiputra 4939 dan Bukan Bumiputra 4879.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa angka-angka yang beliau baru beri di Dewan ini mengenai pelajar-pelajar mahasiswa dan mahasiswi yang diambil oleh kelima-lima universiti atau ditawarkan tempat jauh beza sekali daripada perjanjian yang beliau buat dalam Dewan yang mulia ini pada 11hb Disember bahawa pengambilan akan bertambah, bertambah dengan bererti tempat-tempat untuk pelajar-pelajar yang bukan bumiputra. Dan adakah beliau juga sedar bahawa asas-asas untuk menentukan atau mengambil pelajar-pelajar ialah tertakluk kepada pelajar-pelajar bukan sahaja di universiti-universiti tempatan tetapi universiti-universiti di luar yang diumumkan semalam

oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan sangat tidak adil dan tidak patut oleh kerana yang pertama bukan semua pelajar-pelajar di luar negara datang daripada keluarga yang kaya, sebenarnya banyak daripada keluarga miskin.

Kedua, mereka tidak mendapat apa-apa bantuan daripada Kerajaan. Sebaliknya, dari universiti-universiti tempatan setiap mahasiswa mendapat subsidi daripada Kerajaan dan ketiga, bahawa.....

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, apakah soalnya.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun baru hendak menyampuk.

Tuan Lim Kit Siang: Soalnya sama ada asas atau alasan-alasan mengambil atau menentukan pembahagian tempat-tempat adil atau tidak adil.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi penambahan yang saya diperkatakan membuat janji di dalam Dewan yang mulia ini jelaslah kalau kita kaji dan teliti dari segi angka bagaimana sebenarnya penambahan berlaku, kalau dibandingkan juga penambahan bukan bumiputra dengan bumiputra dari segi proportion penambahannya boleh kita nampak sebagaimana janji itu dilaksanakan. Apa yang dipertikaikan oleh Ahli Yang Berhormat ialah sama ada dipandang dari segi pendapatnya sendiri, kacamataanya sendiri, sama ada penambahan itu cukup atau tidak. Setahu saya dari segi interestnya sendiri walau macam manapun tentulah tidak cukup (*Tepuk*). Begitu juga bagi mana-mana pihak juga. Itu berhubung dengan perkara yang pertama.

Saya ada tambahan sedikit. Saya nampak dari segi tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri, kalau tak salah saya, lebih kurang seminggu lalu, saya berselisih jalan dengan Ahli Yang Berhormat melawat ke negeri Sarawak, dan di Sibu saya membaca dari akhbar bagaimana Ahli Yang Berhormat setelah berkeluaran di kawasan-kawasan yang nampaknya banyak pengundi-pengundi daripada keturunan Iban telah membuat kenyataan pula mengatakan dia akan menuntut lebih banyak lagi tempat untuk orang keturunan Iban di universiti

tempat. Saya tak nampak bagaimana dia boleh reconcile (*Tepuk*) permintaan itu dengan permintaan untuk pelajar bukan bumiputra.

Berhubung dengan soalan kedua sama ada kita melihat strategi kita dari segi keseluruhannya, saya telah menyatakan di dalam kenyataan saya, memang inilah kiraan kita, kiraan kita ialah pada keseluruhannya.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat ada soalan yang lain berhubung dengan pengambilan pelajar-pelajar ataupun kedudukan pelajar-pelajar di luar negeri, tetapi sukalah saya menyatakan sama ada adil atau tidak adil ialah juga satu perkara yang subjektif dan memang saya sangat-sangat memahami sebagai satu parti politik yang sentiasa hendak memancing undi. Kalau dia sudah berhenti mengatakan kita tak adil, dia tidak lagi menjadi ahli parti politik Pembangkang (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11, 12, 14 hingga 20 dan 22 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).

CUTI AM

11. Tuan V. David bertanya kepada Perdana Menteri adakah beliau sedar bahawa semua negeri dalam Malaysia menikmati bukti cuti awam sebanyak enam belas hari kecuali Wilayah Persekutuan yang hanya menikmati lima belas hari sahaja. Memandangkan keadaan ini, adakah Kerajaan akan menimbang untuk menawarkan tambahan sehari lagi sebagai cuti awam di Wilayah Persekutuan bagi Perayaan Tahun Baru Hindu dalam bulan April atau semasa perayaan menuai orang-orang Tamil pada 14hb Januari.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Soalan menambah cuti am telah dijawab berkali-kali di dalam Dewan ini dan Kerajaan telahpun menyatakan bahawa jumlah hari kelepasan am yang kita nikmati sekarang adalah mencukupi, malahan banyak bagi sebuah negara yang kecil seperti kita yang sedang menghadapi pembangunannya. Oleh itu, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan belum bercadang untuk menambah jumlah cuti am Wilayah Persekutuan ataupun Cuti Am Persekutuan dari yang sedia ada sekarang ini.

PEKERJA BUMIPUTRA/BUKAN BUMIPUTRA DI BANK

12. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan berapa ramaikah bilangan pegawai dan kakitangan peringkat tinggi dan pertengahan dari golongan Bumiputra dan bukan Bumiputra yang berkhidmat di dalam Bank-bank luar Negeri atau yang didaftarkan di dalam negeri ini. Dan adakah angka-angka yang diberikan itu menggambarkan komposisi kaum bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Setakat 31hb Mac, 1979, didapati seramai 5,275 orang bekerja di dalam sektor bank di peringkat tinggi dan pertengahan. Dalam jumlah itu, 388 orang pekerja-pekerja adalah di peringkat pengurusan kanan (senior management), yang mana 70 orang atau 18.1% adalah Bumiputra, 245 orang atau 63.1% adalah kaum China, 24 orang atau 6.2% adalah kaum India dan 49 orang atau 12.6% adalah lain-lain kaum. Di peringkat penyeliaan (supervisory), terdapat 4,887 orang pekerja-pekerja, yang mana 1,555 orang atau 31.8% adalah Bumiputra, 2,981 orang atau 61% adalah kaum China, 301 orang atau 6.2% adalah kaum India dan 50 orang atau 1% adalah lain-lain kaum.

Perangkaan di atas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pengambilan kakitangan Bumiputra dalam sektor bank terutamanya diperingkat pengurusan kanan adalah kurang memuaskan dan belum lagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa buah bank yang telah pun mencapai matlamat tersebut. Kekurangan kakitangan Bumiputra di peringkat pengurusan kanan adalah berkaitan rapat dengan kenyataan bahawa penyertaan Bumiputra dalam sektor bank secara relatif masih baru. Dan lagi untuk memegang jawatan di peringkat pengurusan kanan adalah memerlukan bukan sahaja kelayakan-kelayakan tertentu tetapi juga memerlukan pengalaman yang luas dalam selok-belok perniagaan bank; maka hanya dapat dicapai secara beransur-ansur melalui masa.

Bagi memastikan supaya struktur kakitangan dalam sektor bank menggambarkan komposisi penduduk di negara ini,

kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah seperti menganjurkan kursus khas untuk siswazah-siswazah Bumiputra yang dikenali sedbagai "Programmes for Executive Development Banking". Semenjak tahun 1976 hingga tahun 1978 kursus ini telah melatih seramai 94 orang Bumiputra dan mereka telahpun bekerja di sektor bank.

Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah Bank-bank dinasihatkan supaya memerhatikan dan mengambil tindakan dengan segera supaya struktur kakitangan dalam bank masing-masing menggambarkan komposisi penduduk negara ini selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

KOLEJ LATIHAN GURU-GURU

14. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada benar dua orang yang ditugaskan untuk menemuduga calon-calon di Sarikei, Sarawak yang ingin masuk ke dalam kolej-kolej latihan Guru-guru di antara 16hb hingga 19hb Oktober, 1978 telah berkelakuan tidak senonoh apabila mereka menjalankan temuduga tersebut pada tarikh yang dinyatakan di atas ketika temuduga tersebut diadakan di Bilik Persidangan Majlis Daerah Sarikei di mana mereka telah bertanya calon-calon wanita soalan-soalan yang lucu, kotor dan amat memalukan seperti sama ada mereka pernah mengalami hubungan seks, sama ada mereka akan mengahwini mereka dan mereka juga meminta beberapa orang gadis berkenaan supaya berjalan di dalam bilik berkenaan untuk melihat bentuk badan dan gaya gadis-gadis berkenaan seolah-olah mereka sedang memilih pergawati-pergawati dan ada beberapa orang gadis yang diminta menulis esei dan diminta serahkan esei tersebut kepada dua orang "interviewer" tersebut di bilik yang diinap mereka di Hotel Ambassador, Sarikei, pada waktu malam;
- (b) jika ya, nyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap dua orang "interviewer" ini yang telah berkelakuan

tidak senonoh dan juga tidak menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik; dan

- (c) memandangkan kepada apa yang telah berlaku sama ada temuduga yang dijalankan di Sarikei di antara 16hb hingga 19hb Oktober, 1978 untuk memilih calon-calon untuk dilatih sebagai guru akan diistiharkan sebagai tidak sah dan temuduga yang baru akan diadakan supaya hanya calon-calon yang terbaik sahaja akan dipilih untuk menjalani latihan guru.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:

- (a) Tidak benar. Apa yang sebenarnya berlaku ialah timbulnya salah faham (communication gap) di antara Lembaga Temuduga dengan calon itu. Kemarahan calon tersebut berpunca daripada kejahilannya sendiri terhadap takrif perkataan "bujang" ketika menjawab soalan yang dikemukakan. Calon berkenaan bertambah marah apabila Lembaga memberi penerangan bahawa "bujang" ialah ditujukan bagi orang lelaki dan bagi orang perempuan pula ialah anak dara (virgin). Sebabnya adalah tidak diketahui. Calon itu juga telah ditanya beberapa perkara berbentuk pengetahuan am yang kebanyakannya tidak berjawab. Soalan-soalan yang lucu, kotor dan amat memalukan dan lain-lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar sama sekali dan sengaja diada-adakan.
- (b) Tidak ada sebarang tindakan yang diambil terhadap pegawai-pegawai Temuduga itu kerana telah didapati bahawa tuduhan itu adalah tidak berasas sama sekali.
- (c) Oleh kerana urusan pengambilan itu telah dijalankan oleh sebuah badan yang bebas iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam semua urusan-urusan pengambilan maka pemilihan guru-guru pelatih yang telah diadakan itu adalah sah dan tidak ada sebarang sebab untuk membatalkan pemilihan itu.

KERETAPI TANAH MELAYU— RUMAH PEKERJA

15. **Dr Tan Tiong Hong** minta Menteri Pengangkutan mengatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk membaiki keadaan tempat-tempat tinggal (quarters) pekerja-pekerja Keretapi di Sentul.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sedar bahawa rumah-rumah Keretapi yang diduduki oleh pekerja-pekerja di Sentul adalah buruk dan tidak memuaskan. Tindakan telah diambil untuk mengubahsuai dan membina rumah-rumah baru yang mengandungi 2 bilik tidur, 1 ruangan rihat, 1 ruangan tempat makan, 1 bilik dapur, bilik mandi dengan tandas berasingan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke 3 telah dicadangkan untuk membina 128 unit rumah pekerja di kawasan Sentul. Pelan-pelan bagi rumah-rumah tersebut telahpun disediakan dan telah dihantar kepada Dewan Bandaraya dan sekarang Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sedang menunggu kelulusannya.

AIR BAWAH TANAH—PENYIASATAN

16. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan keadaan kemarau yang sering berlaku telah menjejaskan sektor pertanian negara, usaha-usaha dan langkah-langkah positif dan intensif yang telah dan akan diambil oleh Kementerian ini melalui Jabatan Kajibuminya bagi menyelidiki dan memajukan sumber-sumber punca air dari dalam tanah bagi kegunaan petani-petani kita terutama di musim kemarau.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Jabatan Penyiasatan Kajibumi telah pun memulakan penyiasatan sumber punca air bawah tanah sejak tahun 50an lagi. Pada tahun 1970 satu unit yang khusus menjalankan kerja-kerja penyiasatan kaji punca air telah pun ditubuhkan di Jabatan tersebut dengan bantuan teknik dan latihan daripada Kerajaan Jerman. Unit tersebut ialah Unit Kaji Punca Air (Hydrological Unit). Fungsi utama unit tersebut ialah untuk menjalankan penyiasatan yang sistematik bagi

mengesan dan menentukan serta memajukan sumber punca air bawah tanah terutamanya di kawasan-kawasan dimana punca air di muka bumi sukar didapati.

Setakat ini berapa kejayaan telah pun dicapai oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi bagi mengesan dan menentukan serta memajukan sumber punca air bawah tanah. Misalnya, di Kelantan, Jabatan tersebut telah dapat mengesan dan menentukan sumber punca air bawah tanah yang dapat membekalkan kira-kira 32,000 meter padu sehari sehingga tahun 1985. Di Trengganu pula Jabatan tersebut telah merancang untuk membina 6 buah telaga yang dianggarkan akan dapat membekalkan kira-kira 16,000 meter padu air sehari.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Jabatan Penyiasatan Kajibumi telah pun diberi peruntukan bagi membeli alat-alat pengerudian, lori, pam dan alat-alat kajibumi fizik untuk membolehkan jabatan mengelolakan penyiasatan sumber punca air bawah tanah dengan lebih intensif lagi terutama sekali di negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia seperti Perlis, Kedah, Perak Utara dan Kelantan yang selalu mengalami kesan buruk akibat kemarau pada tiap-tiap tahun. Penyiasatan-penyiasatan juga telah diadakan di Melaka dan Pahang.

Usaha-usaha penyiasatan sumber punca air bawah tanah ini akan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia yang Ke 4. Setakat ini Jabatan tersebut merasa yakin sekiranya sumber punca air bawah tanah sangat-sangat diperlukan di mana-mana kawasan di negeri ini, maka jabatan tersebut berkeupayaan untuk mengesan dan memajukan sumber air bagi kegunaan pertanian, orang ramai dan sektor perindustrian.

NAMA ORANG-ORANG TAHANAN

18. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberikan satu senarai yang mengandungi nama orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk lebih dari enam tahun setakat 1-6-1979 dengan memberikan jumlah tahun seseorang itu ditahan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan berpandangan atas sebab-sebab kepentingan umum senarai dan nama yang diminta itu tidaklah dapat diberikan.

TUDUHAN "CONTEMPT OF COURT"— TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

19. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini, Timbalan Menteri Pengangkutan (Ahli Parlimen bagi Nibong Tebal) telah didapati bersalah atas tuduhan "contempt of court";
- (ii) sama ada beliau bersetuju bahawa tindakan Timbalan Menteri Pengangkutan ini telah merosakkan nama baik Kerajaan; dan
- (iii) jika ya, sama ada Timbalan Menteri Pengangkutan yang berkenaan akan diminta meletakkan jawatannya; jika tidak, adakah ini bermakna Kerajaan sokong tindakan Timbalan Menteri Pengangkutan.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar mengenai "Ruling" yang dibuat oleh Mahkamah bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen bagi Nibong Tebal telah melakukan "contempt of court" sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar pada 27hb Mac, 1979. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri belum menerima laporan rasmi mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah dalam perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Bahagian (ii) pertanyaan ini bertujuan hendak mendapat buah fikiran (opinion) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai perkara ini. Oleh kerana ini bertentangan dengan Peraturan 23 (1) (h) dalam Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya tidak boleh memberi apa-apa jawapan.

Oleh yang demikian, perkara yang ditanya dalam bahagian (iii) tidak berbangkit.

TEORI DOMINO—PANDANGAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN

20. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pengangkutan, (Ahli Parlimen bagi Nibong Tebal) telah mengeluarkan pandangan yang bertentangan mengenai Teori Domino selepas jatuhnya Kerajaan Kampuchea dan sama ada beliau bersetuju bahawa pandangan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan ini telah menimbulkan rasa keraguan dan kebimbangan di kalangan rakyat dan jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk melarang Menteri-menteri Kabinet dari mengeluarkan ucapan dan pandangan yang boleh mem-bimbangkan rakyat.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar mengenai pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai Teori Domino dan pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan selaku Pengerusi, Biro Politik partinya mengenai kejatuhan Phnom Penh sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar *New Starits Times* pada 9hb Januari, 1979.

Tidak ada bukti bahawa pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan itu telah menimbulkan rasa keraguan dan kebimbangan di kalangan rakyat.

Oleh yang demikian, pertanyaan bahagian ketiga tidak berbangkit.

PERTIKAIAN MAS DENGAN PEKERJA-PEKERJA

22. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada satu siasatan yang menyeluruh akan diadakan untuk menyiasat sebab-sebab yang mengakibatkan pertikaian di antara pihak pengurusan MAS dengan pekerja-pekerja MAS, salah kendalian satu pertikaian perusahaan yang biasa, kerugian yang teruk, satu pukulan hebat kepada imej antarabangsa MAS yang dipelihara dengan baik dan karutnya akan kepercayaan bahawa pembatalan AEU akan menyelesaikan perkara ini

atau mencegah berlakunya pertikaian-pertikaian lanjut.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya tidak fikir satu siasatan yang menyeluruh perlu diadakan bagi menyiasat sebab-sebab terjadinya pertikaian di antara pihak Pengurusan MAS dengan pekerja-pekerjanya. Ahli Yang Berhormat harus ingat bahawa perkara pertikaian ini telah dibahaskan dengan luasnya di Dewan ini pada 20hb Mac yang lalu. Satu usul berkenaan dengan perkara ini telah pun dilulus oleh Dewan ini tetapi sayangnya ahli-ahli daripada parti Yang Berhormat telah beramai-ramai keluar dan tidak mengambil bahagian di dalam perbincangan itu. Berikutan dan kesan daripada pertikaian tersebut saya telahpun membuat satu kenyataan pada 18hb Mei yang lalu iaitu Kerajaan akan mendapatkan perkhidmatan consultant bagi mengkaji penyusunan semula organisasi syarikat MAS yang saya percaya consultant tersebut akan juga mengambil ingatan terhadap pertikaian yang telah berlaku itu.

PERTUBUHAN TEMPATAN MENERIMA BANTUAN WANG

23. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan mengetahui bahawa ada pertubuhan-pertubuhan di negara ini menerima bantuan wang dari luar negeri dan jika ya dari mana datangnya bantuan itu; adakah Kerajaan berpuashati bahawa bantuan wang tersebut dapat memberi faedah kepada bangsa dan negara Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya sedar ada pertubuhan-pertubuhan tempatan yang telah menerima bantuan wang dari badan-badan dan yayasan-yayasan antarabangsa. Derma-derma yang diterima itu ada di dalam pengetahuan pihak berkuasa. Setakat ini dari maklumat-maklumat yang diterima menunjukkan bahawa wang derma yang diterima itu adalah digunakan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan pertubuhan yang pada keseluruhannya memberi faedah.

BADMINTON—TARAF PERMAINAN

24. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan

sama ada beliau sedar bahawa taraf badminton yang dahulunya adalah sangat cemerlang telah jatuh sekarang; jika ya; adakah elok memberi nafas baru kepada pengurusan Persatuan Badminton Malaysia dan mengapa perkhidmatan Encik Eddy Choong, empat kali Juara All-England tidak dikehendaki oleh Persatuan Badminton Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Ya, saya sedar, Kementerian saya tidak boleh campur tangan dalam soal pengurusan Persatuan Badminton Malaysia. Soal penggunaan perkhidmatan daripada Encik Eddy Choong juga adalah terpulang kepada budibicara Persatuan Badminton Malaysia sendiri.

PERHENTIAN BAS JOHOR BAHRU—MARSILLING

25. Puan Sharifah Dorah binti Mohamed minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan Singapura telah memindahkan perhentian basnya dari Johor Bahru ke Marsilling di Singapura dan oleh itu tidak akan lagi mengambil penumpang-penumpang dari Johor Bahru dan jika ya, sama ada Kementerian beliau telah bersedia untuk mengambil alih perhentian ini dengan tujuan membina sebuah perhentian bas untuk mengangkut penumpang-penumpang dari Johor Bahru ke Singapura; dan
- (b) apakah usaha yang dijalankan untuk mengadakan perkhidmatan express dari Johor Bahru ke Singapura yang selama ini dimonopoli oleh syarikat-syarikat bas dari Singapura.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya tidak sedar tentang perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Semerah bahawa Kerajaan Singapura telah berpindah mengguna perhentian bas di Johor Bahru untuk penumpang-penumpang yang berulang-alik di antara Johor Bahru dan Singapura.

Tentang soalan (b) pula perkara ini sedang dibincang oleh Kementerian Perusahaan Awam dengan pihak-pihak yang berkaitan.

BANGUNAN PUSAT PERUBATAN MALAYSIA DI MECCA

26. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan dapat berunding dengan Kerajaan Saudi Arabia mengenai bangunan Pusat Perubatan Malaysia di Mecca, sebuah bangunan lama, dimana ventilationnya tidak memuaskan dan pesakit-pesakit tidak mendapat kesihatan yang sempurna, sama ada Kerajaan bercadang hendak menyewa atau membeli bangunan baru yang lebih selesa untuk rawatan pesakit-pesakit Malaysia. Jika tidak, mengapa.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sedang merundingkan perkara ini dengan Kerajaan Arab Saudi sekarang.

LADANG LADA HITAM DI SARAWAK

27. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ladang-ladang lada hitam Malaysia Timur diserang oleh penyakit 'root rot' untuk beberapa tahun. Jika sedar, apa tindakan Kerajaan hendak ambil untuk mengatasi dan mengawal penyakit itu.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Saya sedar bahawa ladang-ladang lada hitam di Sarawak diserang oleh penyakit 'root rot' yang disebabkan oleh sejenis cendawan. Penyakit ini telah diketahui sejak dari tahun 1929. Sejak tahun 1964 Kerajaan telah membuat penyelidikan yang rapi untuk mencegah dan mengawal penyakit ini. Dalam perusahaan pengeluaran terutama sekali di Sarawak, cantuman pembiakan dan penggunaan racun cendawan serta pencegah secara 'biological control' adalah termasuk di dalam rancangan penyelidikan untuk mencegah penyakit tersebut. Untuk mencegah penyakit ini menular ke ladang-ladang, petani-petani dinasihat supaya:

- (i) Menggunakan alat-alat pemotong yang bersih dari penyakit-penyakit;
- (ii) Menanam lada di tempat-tempat yang sesuai;
- (iii) Membuat parit;
- (iv) Mencegah tanah dan air mengalir dari kawasan yang kena penyakit.

Sekiranya ladang-ladang kena penyakit, langkah-langkah seperti berikut adalah diambil:

- (i) Menggembor dan menyiram tanah-tanah yang belum dihinggapi penyakit dengan racun cendawan;
- (ii) Jangan membaja atau membuang rumput rampai sehingga penyakit tersebut dapat dikawal;
- (iii) Membubuh 'dozomat' di sekeliling pokok yang kena penyakit;
- (iv) Membakar pohon lada yang sudah mati di tempat tanaman yang asal sekiranya penyakit tidak merebak lagi.

Bagi Negeri Sabah pula, satu kawalan yang ketat sedang diambil ke atas semua bahan-bahan tanaman yang datang dari Sarawak dan pemeriksaan yang rapi selalu dilakukan ke atas ladang-ladang lada hitam untuk memastikan penyakit ini tidak berjangkit.

LAMPU ISYARAT MENGURANGKAN KESESAKAN LALULINTAS

28. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa Polis Trafik yang bertugas menggantikan lampu isyarat tidak dapat mengurangkan kesesakan lalulintas, sebaliknya menambah lebih buruk lagi kesesakan jalan raya kerana ia tersekat di sana-sini. Jika sedar, adakah Kerajaan dapat mengarahkan pihak yang berkenaan supaya berada di tempat-tempat lampu isyarat di samping mengawasi kenderaan di jalan raya daripada menyebokkan lagi suasana di jalan raya. Jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Anggota-anggota Trafik yang ditempatkan di sesuatu persimpangan lampu isyarat pada masa-masa yang sibuk adalah untuk membantu bagi mengarah dan melicinkan perjalanan lalulintas disebabkan terlampau banyak kenderaan yang membanjiri di jalan-jalanraya yang mana lampu-lampu isyarat tidak mampu mengawalinya. Pada masa-masa yang tidak begitu sibuk juga ada anggota-anggota Polis Trafik diarah untuk

bersedia disimpang-simpang bagi memastikan Lalulintas berjalan lancar mengikut lampu-lampu isyarat dan sekiranya lampu isyarat tergendala bolehlah ia mengambil alih tugas mengawal lalulintas. Pengalaman menunjukkan tanpa menugaskan anggota Polis Trafik di persimpangan dan bulatan yang sibuk pada waktu-waktu yang tertentu, kenderaan tidak dapat bergerak menyebabkan kesesakan bertambah buruk.

KENDERAAN MENYEBERANG SEMPADAN MALAYSIA/ THAI

29. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan Thai telah mengenakan bayaran overtime kepada semua kenderaan yang menyeberangi sempadan Malaysia/Thai di Padang Besar dengan kadar lebih kurang \$8.00 (Matawang Malaysia). Bayaran ini dipungut dari pukul 4.00 petang sehingga 6.00 petang pada hari-hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat dan dari pukul 12.00 tengahari pada hari Sabtu dan dari pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang pada hari Ahad. Sama ada Kerajaan Malaysia, sebagai menambahkan hasil, bercadang hendak mengenakan bayaran seperti itu kepada kenderaan-kenderaan yang masuk ke Malaysia dari Thailand.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya tidak sedar tentang adanya bayaran overtime yang dikatakan dikena oleh Kerajaan Thai seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PENGUNDI-PENGUNDI DI LUAR BANDAR

30. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kepada masih banyak lagi warganegara di luar bandar yang layak mengundi tidak tercatat nama-namanya di dalam buku daftar pengundi sama ada disebabkan oleh kecuaiian mereka atau sistem pendaftaran yang ada sekarang tidak berjalan dengan betul, apakah langkah-langkah baru yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan bahawa jumlah warganegara yang layak mengundi dimasukkan nama-nama mereka ke dalam buku daftar pengundi.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat segala langkah-langkah yang perlu bagi menarik minat mereka yang berkelayakan untuk menjadi pemilih untuk memohon didaftarkan sebagai pemilih telahpun diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya setiap kali Suruhanjaya itu mengadakan urusan pendaftaran dan penyemakan daftar-daftar pemilih tahunan. Langkah-langkah ini termasuk:

(1) Memberi publisiti yang luas dengan cara:

(a) membuat pengumuman-pengumuman melalui radio dan talivisyen mengenai urusan pendaftaran pemilih itu sepanjang tempoh urusan itu diadakan;

Bagi kawasan luar bandar, langkah-langkah ini termasuk:

(b) membuat hebahan-hebahan melalui unit-unit bergerak Jabatan Penerangan berhubung dengan urusan tersebut;

(c) membuat kenyataan-kenyataan akhbar mengenai urusan itu dari semasa ke semasa sepanjang urusan itu diadakan.

(2) Mengiklankan nama, alamat dan nombor telefon pegawai-pegawai pendaftaran.

(3) Menyediakan lebih daripada 3,000 tempat pendaftaran tetap bagi tujuan tersebut.

(4) Melantik lebih daripada 4,000 orang Penolong Pegawai Pendaftaran untuk mendaftar mereka yang datang memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih.

(5) Mengedarkan senarai-senarai tempat-tempat pendaftaran tetap kepada parti-parti siasah dengan harapan bahawa parti-parti yang berkenaan akan dapat memberitahu mereka yang berminat untuk menjadi pemilih di tempat-tempat dimana mereka boleh didaftarkan sedemikian.

Walau bagaimanapun, perlu saya tegaskan di sini bahawa cara mendaftar sebagai pemilih adalah cara sukarela dan oleh itu adalah

menjadi tanggungjawab mereka yang berkelayakan menjadi pemilih membuat permohonan sebelum namanya dapat dimasukkan dalam daftar pemilih yang berkenaan.

PETRONAS—KEUNTUNGAN TAHUNAN

31. **Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) keuntungan tahunan yang diperolehi oleh PETRONAS sejak ia ditubuhkan;
- (b) sama ada PETRONAS telah membuat apa-apa pelaburan baik pun di sini atau di luar negeri dan namakan negara-negara luar dimana pelaburan tersebut dibuat;
- (c) lapangan-lapangan di mana PETRONAS telah membuat pelaburan di luar negeri;
- (d) sama ada pelaburan-pelaburan ini dibuat dengan Dollar Amerika dan sama ada PETRONAS telah rugi berjuta-juta ringgit akibat penurunan nilai Dollar Amerika; jika ya, nyatakan kerugian yang dialami akibat penurunan nilai wang Dollar Amerika itu;
- (e) berasaskan kepada apakah PETRONAS telah memutus untuk melaburkan dengan wang ringgit Amerika sungguhpun nilai wang ringgit Amerika adalah tidak stabil dalam pasaran kewangan dunia; dan
- (f) sama ada pelaburan-pelaburan yang dibuat itu masih di dalam wang ringgit Amerika ataupun telah ditukar kepada wang ringgit Malaysia.

Perdana Menteri: Berkenaan soalan (a), PETRONAS telah memulakan kegiatannya pada tahun 1975. Dalam tahun permulaan itu, PETRONAS telah mengalami kerugian sebanyak \$0.5 juta. Keuntungan-keuntungan selepas cukai bagi tahun-tahun berikutnya adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>				<i>\$ juta</i>
1976	250.7
1977	662.6
1978	674.7

Berkenaan soalan (b) dan (c), PETRONAS telah membuat pelaburan di dalam dan juga di luar negeri. Walau bagaimanapun, demi kepentingan awam, tidaklah wajar bagi saya menamakan negara-negara dan lapangan-lapangan dalam mana pelaburan itu dibuat.

Berkenaan soalan (d), (e) dan (f), PETRONAS membuat pelaburan di dalam wang Ringgit dan juga di dalam lain-lain mata wang, terutamanya di dalam wang Dollar Amerika.

Berhubung dengan pelaburan di dalam wang Dollar Amerika, PETRONAS telah mengalami "kerugian buku" (book loss) sejumlah 95 juta Ringgit sehingga bulan April, 1979. Kerugian itu adalah akibat kemerosotan nilai mata wang Dollar Amerika. Saya suka menjelaskan bahawa kerugian itu adalah kerugian buku (book loss) sahaja, dan bukan kerugian sebenar. Ia akan hanya menjadi kerugian sebenar sekiranya PETRONAS menukarkan pelaburan itu ke mata wang Ringgit. Walau bagaimanapun, PETRONAS tidak akan menukarkan pelaburan itu kerana ada faktor-faktor lain yang telah dipertimbangkan. Ini termasuklah faktor bahawa sejumlah besar dari pembelian-pembelian PETRONAS iaitu untuk barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan bagi menjalankan projek-projek besarnya, adalah dibayar dalam mata wang Dolar Amerika. Selain dari itu, kadar faedah pelaburan dalam mata wang Dollar Amerika itu masih lagi menguntungkan.

Dalam pada itu, semenjak bulan Ogos 1978, kesemua pendapatan semasa (current income) PETRONAS adalah ditukarkan kepada wang Ringgit dan dilaburkan di dalam negeri.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

PEMUSNAHAN KUIL-KUIL

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1), saya ingin mencadangkan bahawa Dewan ini ditangguhkan dengan tujuan hendak merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membacakan usul saya yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, memandang berat pertumbuhan keterlaluan dan fanatisme agama di dalam masyarakat kita yang berbilang bangsa, agama, kebudayaan dan bahasa yang menggugat asas keharmonian dan perpaduan rakyat kita dan kepercayaan sepertimana terbukti dengan pemusnahan kuil-kuil Hindu malah juga kuil-kuil China dan Buddha yang sering berlaku dalam tempoh lebih setahun yang lalu;

Berinsaf betapa perlunya untuk pemimpin-pemimpin dari semua fahaman politik untuk mengambil satu pendirian yang tegas dan terus-terang terhadap mana-mana bentuk atau manifestasi keterlaluan dan fanatisme agama mencegah teretusnya konflik agama di negara kita;

Mengecam dengan sekeras-kerasnya serta tanpa ragu-ragu perbuatan-perbuatan pemusnahan tempat-tempat ibadat atau lain-lain perbuatan keterlaluan agama;

Mengisytiharkan bahawa mereka yang terlibat serta mengambil bahagian dalam perbuatan-perbuatan "bigotry" dan ketidaktoleran agama dalam masyarakat kita harus dihukum dengan berat dan dihapuskan;

Perkara ini adalah tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan memandangkan perasaan syakwasangka yang timbul di kalangan penganut-penganut agama tertentu dan juga menimbulkan keraguan terhadap jaminan perlembagaan mengenai kebebasan agama dan hak kepercayaan individu.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu usul daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu pada pukul 10.20 pagi tadi sebagaimana yang telah dijelaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (1) sebelum saya dapat benarkan perkara ini untuk dikemukakan kepada Dewan ini maka hendaklah saya berpuas hati atas tiga perkara.

Yang pertama, bahawa perkara ini ialah perkara yang tertentu.

Yang kedua, perkara ini ialah perkara yang berhubung dengan kepentingan orang ramai;

Ketiga, perkara ini hendaklah disegerakan.

Setelah saya teliti semenjak saya terima pagi tadi, saya dapati bahawa perkara ini dan kejadian ini ada berlaku dalam tanah air kita dan pemusnahan kuil-kuil Hindu ini memang ada berlaku.

Bagi faktor yang pertama atau syarat pertama itu memang ada iaitu perkara tertentu. Walaupun mungkin saya kurang bersetuju dikatakan juga pemusnahan kuil-kuil China dan Buddha ini saya tidak terbaca dalam akhbar yang saya terbaca pemusnahan kuil-kuil Hindu sahaja, jadi perkara ini ada tertentu.

Yang kedua, perkara ini hubungannya ada atau tidak dengan kepentingan orang ramai. Perkara ini berlaku dan mengancam ketenteraman tanah air dan juga boleh menimbulkan perselisihan juga pergeseran di antara kaum penduduk di tanah air kita ini dan tidak ada siapa yang bersetuju perbuatan pemusnahan yang dilakukan seumpama ini.

Saya juga suka memberi ingatan kerana dalam paragraph 2 iaitu:

"Berinsaf betapa perlunya untuk pemimpin dari semua fahaman politik untuk mengambil satu pendirian yang tegas dan terus-terang..."

Itu juga saya suka kiranya pemimpin-pemimpin berterus-terang mengambil bahagian mengingatkan juga pihak yang mewujudkan kuil-kuil yang berlaku ini supaya tidak tumbuh kuil-kuil seperti cendawan tumbuh lepas hujan dan ini boleh mengakibatkan juga merusakkan perasaan pihak orang lain. Jadi ini juga pada saya menyentuh dan ada kepentingan orang ramai.

Yang ketiga, perkara ini perlu disegerakan. Perkara ini ada berlaku yang mengikut suratkhbar yang kita baca dan mass media yang lain, kita dapati berlaku tetapi tidak begitu sering sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Menglembu tadi dan perkara ini juga kalau kita melihat di dalam Ucapan Penangguhan seorang Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar akan mengemukakan dalam Ucapan Penangguhan bertarikh 21hb Jun, 1979

berkenaan dengan "Menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang tegas dan mengenakan hukuman-hukuman yang lebih berat ke atas orang-orang yang meroboh dan memecah kuil dan patong-patong". Perkara ini yang saya tahu Kerajaan ada mengambil tindakan dan ada mengambil langkah-langkah untuk mententeramkan keadaan ini supaya tidak berulang. Oleh sebab itu, saya tidak nampak bahawa keperluan untuk di-segerakan sehingga ditangguhkan Dewan ini untuk membincangkan soal ini, saya tidak nampak justify (adil). Dengan sebab itu, saya tolak usul ini (*Tepuk*).

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada penjelasan. Saya sudah tolak, tidak ada lagi penjelasan.

Tuan P. Patto: Tadi, Tuan Yang di-Pertua ada berkata bahawa ada juga timbul perasaan bermacam-macam kerana kuil Hindu berleluasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah. Itu komen saya.

Tuan P. Patto: Saya rasa.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada bahas dengan Yang di-Pertua.

Tuan P. Patto: Pendapat saya, hal ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Soal lain. Duduk! Duduk!

Tuan P. Patto:Adalah menyentuh Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk! Saya kata duduk.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya kata Perlembagaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu Artikel 3 dalam Perlembagaan mengatakan: Uagama Islam ialah uagama Persekutuan; tetapi uagama-uagama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Saya tahu itu tetapi mesti aman dan damai, dengan tidak merosakkan orang lain. Itu komen saya. Sudah, duduk! Teruskan.

Tuan P. Patto: Itu pendapat Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata, duduk! Kalau tidak, saya suruh keluar nanti.

Tuan P. Patto: Kita bukan budak sekolah rendah. (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak duduk, saya keluarkan Yang Berhormat hari ini.

Tuan P. Patto: Itu hak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila keluar. Tengok Yang Berhormat itu keluar untuk hari ini (*Tepuk*). Ini bukan kali pertama daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu. Lagi sekali, kalau dilakukan demikian juga lebih berat daripada ini hukuman saya jalankan. Terus keluar sekarang (*Tepuk*). Sila tengok dia keluar untuk satu hari. Sekarang saya perintahkan Sergeant-at-Arms keluarkan dia.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Kalau saya tidak silap mengikut Peraturan, kalau berlaku satu "naming" seseorang memerlukan ada satu usul.

Tuan Yang di-Pertua: Itu lain. Itu kalau hendak halau dia seluruh session ini sampai 29hb Jun, 1979. Kalau untuk hari ini, kuasa itu di bawah Peraturan 44 (2). Sila keluar sekarang.

(*Tuan P. Patto keluar Dewan diiringi oleh Bentara Mesyuarat*)

PENERANGAN OLEH
Y.A.B. PERDANA MENTERI
DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 14 (1) (i)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi tahu Dewan ini bahawa Kerajaan bersetuju menetapkan tiga hari kerana membahaskan Usul daripada Yang Berhormat Ahli dari Petaling iaitu Tuan Lim Kit Siang mengenai Pembatalan Perisytiharan Dharurat sebagaimana yang tercatat di dalam Aturan Urusan Mesyuarat perkara 6 di muka 10. Tarikh-tarikhnya akan diberi tahu kelak.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SARAAAN HAKIM (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN) 1979

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN AKTA KESATUAN SEKERJA (PINDAAN) 1979

3.52 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 49, saya bangun untuk meminta izin Dewan ini untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang dari Ahli bukan Kerajaan dan usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (1) mengizinkan Y.B. Lim Kit Siang mengemukakan satu Rang Undang-undang dari Ahli Persendirian bernama Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1979 untuk meminda Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 untuk:

- (i) membenarkan seorang pegawai atau pekerja sesebuah parti politik menjadi ahli eksekutif sesebuah kesatuan sekerja atau mana-mana cawangannya;
- (ii) memperuntukkan bahawa sebelum Pendaftar Kesatuan Sekerja menggunakan kuasa-kuasanya untuk memerintah

kesatuan-kesatuan sekerja supaya membatalkan ahli-ahli dari buku pendaftaran kesatuan kerana mengambil bahagian di dalam pemogokan-pemogokan yang haram, Pendaftar hendaklah mematuhi peraturan-peraturan "rules of natural justice" dengan memberikan ahli-ahli kesatuan yang bakal terlibat terlebih dahulu hak untuk didengar.

Tuan Speaker, pindaan pertama bertujuan meminda Fasal 27 Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 yang menyenaraikan lima kategori orang-orang yang tidak layak memegang jawatan di kesatuan Sekerja dan pindaan ini akan menghapuskan 'disqualification' ini yang berkait dengan pegawai-pegawai parti politik atau pekerja-pekerjanya.

Fasal 27 Ordinan Kesatuan Sekerja berbunyi—Tuan Yang di-Pertua, dengan izin dalam bahasa Inggeris oleh kerana Akta itu dalam Inggeris:

"Any person shall not act as a member of the executive of a trade union or any branch thereof, or of any federation of trade unions, and shall be disqualified for election as such member, if:

- (a) he is not a citizen of the Federation;
- (b) he is not engaged or employed in the trade, occupation or industry with which the trade union or federation is connected at the time of election and if he has not served a period of at least three years in such trade, occupation or industry;
- (c) he has been a member of the executive of any trade union the registration of which has been cancelled or withdrawn under the provisions of paragraph (b) (iv) or (vi) of sub-section (1) of section 15 or under any law repealed by this Ordinance; or
- (d) he is an officer or employee of a political party; or
- (e) he has been convicted by any court of law of criminal breach of trust, extortion or intimidation, or any offence which in the opinion of the Registrar renders him unfit to be an officer of a trade union.

Provided that the provisions of paragraph (a) and (b) of this sub-section shall not apply in the case of a union which in the opinion of the Minister is required by its objects to represent persons or the interests of persons who are not resident in the States of Malaya."

Tuan Yang di-Pertua, di sini akan didapati bahawa pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja parti politik disamakan dengan penjenayah-penjenayah yang disabit kesalahannya sebagai tidak layak memegang jawatan di kesatuan sekerja.

Peruntukan ini adalah terlalu buruk (obnoxious), tidak berdemokratik dan merupakan satu pencabulan hak asasi kebebasan bersekutu kerana dengan mengharamkan pegawai-pegawai kesatuan sekerja dari memegang jawatan-jawatan penting di dalam parti-parti politik, Kerajaan sebenarnya menafikan kelas pekerja dan pemimpin-pemimpin mereka di dalam kesatuan-kesatuan sekerja dari membantu membentuk pergerakan-pergerakan politik serta juga mewujudkan syarat-syarat yang lebih menguntungkan para pekerja.

Pengharaman yang dikenakan ke atas pegawai-pegawai kesatuan sekerja dari memegang jawatan-jawatan politik yang penting mencerminkan sifat-sifat anti-pekerja parti pemerintah iaitu Barisan Nasional dan predecessornya, Perikatan, kerana pindaan ini dibuat dalam tahun 1969 sebagai satu langkah darurat dan selepas itu diperbuatkan sebagai undang-undang di Parlimen dalam tahun 1971 selepas Parti yang memerintah telah mengalami kekalahan dalam pilihanraya umum tahun 1969.

Dengan menafikan pegawai-pegawai kesatuan sekerja hak untuk memegang jawatan-jawatan politik penting, Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya menafikan pekerja-pekerja hak mereka untuk bukan sahaja memainkan peranan kepimpinan yang aktif di dalam bidang politik di negara ini tetapi juga dalam menentukan ciri-ciri masyarakat di mana mereka bekerja dan hidup kerana politik dan kuasa-kuasa politiklah yang membuatkan undang-undang dan mewujudkan syarat-syarat yang secara langsung melibatkan pekerja-pekerja dan cara hidup mereka.

Hanya sebuah Kerajaan dan parti politik yang tidak bersimpati dengan aspirasi-aspirasi

sah para pekerja serta mempunyai rasa kecurigaan semula jadi terhadap kelas pekerja pada keseluruhannya akan membuat satu undang-undang anti-buruh seumpama ini yang melarang pegawai-pegawai kesatuan sekerja dari memegang jawatan-jawatan politik tinggi. Hendaklah juga diperhatikan bahawa sehingga hari ini, tidak ada seorang pun Menteri Kabinet dalam sejarah Malaysia yang mempunyai latar belakang atau pengalaman kesatuan sekerja, dan kepentingan kelas yang diwakili di dalam parti pemerintah datangnya dari seksyen masyarakat yang berada, berharta dan berkapitalis tetapi ini bukanlah alasan yang mencukupi untuk membuatkan undang-undang yang melemahkan kekuatan politik para pekerja.

Tidak ada sebarang larangan yang dikenakan ke atas ahli-ahli jawatankuasa atau lain-lain pemegang jawatan di Persatuan Peladang umpamanya atau pun Persatuan Majikan-majikan dari memegang jawatan-jawatan di dalam parti politik dan saya tidak nampak mengapa pegawai-pegawai kesatuan sekerja harus diberikan layanan yang membeza-bezakan.

Pindaan saya sekarang ini yang bertujuan meminda Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 untuk menghapuskan "disqualification" yang melarang pegawai-pegawai kesatuan sekerja dari memegang jawatan di dalam parti-parti politik bukan sahaja akan mengembalikan kepada pekerja-pekerja dan pemimpin-pemimpin mereka hak asasi untuk membantu membentuk pergerakan-pergerakan dan syarat-syarat politik yang lebih bersimpati dan menguntungkan kelas pekerja tetapi lebih-lebih lagi akan hentikan diskriminasi terhadap pegawai-pegawai kesatuan sekerja jika dibanding dengan pertubuhan-pertubuhan lain seperti Persatuan Peladang atau Persatuan Majikan.

Pengharaman yang dikenakan ke atas pekerja-pekerja parti politik dari memegang jawatan di dalam kesatuan sekerja juga adalah terlalu anti-buruh kerana ini bermakna pekerja-pekerja parti-parti politik tidak boleh menggabungkan diri mereka untuk menubuhkan sebuah kesatuan sekerja untuk membela hak-hak perusahaan mereka seperti dalam perkara gaji dan syarat-syarat bekerja kerana bagaimanakah mereka boleh

menubuhkan misalnya sebuah kesatuan sekerja Pekerja-pekerja di dalam Parti-parti Politik sedangkan tidak seorang pun dari mereka boleh memegang apa-apa jawatan di dalam sebuah kesatuan sekerja?

Ini menunjukkan bagaimana sikap dan prejudis Kerajaan telah membuatnya meluluskan undang-undang yang tidak boleh diterima akal, tidak logik dan bertentangan dengan keadilan dan equiti.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kedua pertikaian MAS-AEU telah menonjolkan satu aspek yang tidak diinginkan mengenai kuasa-kuasa yang dipunyai oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja yang mana kuasa-kuasa inilah yang harus disalahkan kerana membenarkan satu pertikaian biasa di antara majikan dengan pekerja mengenai gaji menjadi satu krisis antarabangsa yang melibatkan pembatalan pendaftaran sebuah Kesatuan sekerja kebangsaan, daratan perkhidmatan MAS, penahanan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja di bawah Akta ISA, pemboikotan perkhidmatan antarabangsa MAS serta pencemaran imej Malaysia di dunia.

Apa yang menjadikan pertikaian yang biasa ini mencetus menjadi satu krisis antarabangsa ialah kuasa yang tak terbatas Pendaftaran Kesatuan Sekerja untuk batalkan nama ahli-ahli kesatuan sekerja dari buku pendaftaran kesatuan sekerja kerana kononnya mengambil bahagian di dalam satu tindakan perusahaan yang haram tanpa mematuhi dengan peraturan-peraturan "rules of natural justice" yang mana ahli-ahli kesatuan sekerja yang terlibat itu tidak diberi peluang untuk membela diri mereka terlebih dahulu sebelum tindakan untuk membatalkan nama mereka dari buku pendaftaran kesatuan sekerja dijalankan.

Umpamanya, dalam pertikaian MAS-AEU itu, apabila perundingan dimulakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, duduk dahulu. Yang Berhormat mengemukakan seolah-olah Rang Undang-undang ini sedang dibahaskan. Di bawah Peraturan Mesyuarat 49 (1) Yang Berhormat boleh mengemukakan tujuan hendak mengemukakan Rang Undang-undang ini dan perkara-perkara besar sahaja, bukan dibahaskan tiap-tiap satu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya memberi tujuan dan sebab-sebab tujuan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi jangan panjang sangat, tujuan besar sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Dan yang ditunjukkan dalam contoh MAS-AEU bahawa kuasa Pendaftaran Kesatuan Sekerja di mana membolehkan beliau potong nama daripada senarai kesatuan-kesatuan tanpa memberi peluang kepada mereka yang akan terlibat satu peluang membela diri adalah sangat tidak adil dan juga memberikan peluang untuk penyalahgunaan kuasa.

Ini merupakan satu penyalahgunaan kuasa yang amat besar dan saya mencadangkan pindaan ini untuk memperuntukkan bahawa sebelum Pendaftaran Kesatuan Sekerja menerima dibatalkan nama ahli-ahli dari buku pendaftaran kesatuan sekerja berkenaan, beliau hendaklah mengadakan satu siasatan dan mematuhi peraturan-peraturan "rules of natural justice" dengan memberikan ahli-ahli kesatuan sekerja yang terlibat itu peluang untuk didengar dan membela diri. Ini adalah perlu kerana keanggotaan sesuatu kesatuan sekerja adalah menjadi hak yang penting berkait dengan kebebasan untuk bersekutu dan hak ini tidak boleh dihapuskan semata-mata atas aduan yang dibuat oleh pihak yang prejudis, majikan atau di mana-mana.

Sungguhpun di bawah peruntukan-peruntukan yang wujud sekarang, sesiapa yang terlibat akibat perintah Pendaftaran Kesatuan Sekerja ini boleh merayu kepada Pendaftaran tetapi peruntukan ini adalah tidak memuaskan. Adalah nyata satu peruntukan hendaklah diadakan supaya seseorang boleh merayu atas tindakan Pendaftaran itu tetapi rayuan ini hendaklah tidak ditujukan kepada Pendaftaran Kesatuan Sekerja sendiri!

Saya berharap cadangan saya ini yang saya rasa adalah sangat berpatutan akan mendapat persetujuan Dewan yang mulia ini kerana persetujuan tersebut akan menyumbangkan secara positif ke arah keadilan perusahaan di Malaysia.

4.02 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul yang telah dibentangkan oleh

sahabat saya iaitu Yang Berhormat dari kawasan Petaling dan saya minta izin berucap sepatah dua kata.....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, tujuan-tujuan besar sahaja.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya menyokong usul ini oleh kerana saya rasa bahawa satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling adalah tepat pada waktunya.

Saya berpendapat bahawa Ordinan Kesatuan Sekerja tahun 1959 patut dipinda untuk membenarkan seorang pegawai atau pekerja sesebuah parti politik menjadi ahli Eksekutif sebuah kesatuan sekerja ataupun mana-mana cawangannya. Ini berasas kepada hakikat bahawa perjuangan kesatuan sekerja untuk kebajikan ahli-ahlinya dan perjuangan politik untuk rakyat tidak dapat diasingkan. Hak-hak kesatuan sekerja pada pandangan kami hanya dapat diperolehi dan dicapai melalui proses politik iaitu melalui Parlimen. Sekiranya seorang pegawai atau pekerja sebuah parti politik dapat dibenarkan menjadi ahli Eksekutif sesebuah kesatuan sekerja atau mana-mana cawangan, ini bermakna pegawai atau pekerja sesebuah parti politik itu boleh memahami dengan lebih mendalam masalah-masalah yang dialami oleh sesebuah kesatuan sekerja dalam perjuangan untuk kebajikan ahli-ahlinya. Kemudian beliau boleh berusaha melalui proses politik menghuraikan masalah-masalah itu ke dalam partinya supaya wakil rakyat parti itu boleh membawa perkara itu ke dalam Parlimen. Sekiranya terdapat apa-apa undang-undang kesatuan sekerja yang anti-buruh, wakil parti itu boleh bercadang untuk meminda undang-undang kesatuan yang terlibat bagi tujuan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kesatuan sekerja itu.

Tuan Speaker, mengenai bahagian kedua Rang Undang-undang Ahli Persendirian ini, kami berasa bahawa sebelum Pendaftar Kesatuan Sekerja memerintah kesatuan-kesatuan sekerja supaya membatalkan ahli-ahli dari buku Pendaftar Kesatuan kerana mengambil bahagian di dalam pemogokan yang haram, Pendaftar patutlah mematuhi apa yang dikatakan "rules of natural justice" dengan memberikan ahli-ahli kesatuan yang

bakal terlibat terlebih dahulu hak untuk didengar. Ini dicadangkan oleh kerana ianya adalah selaras dengan luno dan prinsip demokrasi di mana sebelum tindakan diambil terhadap seseorang ahli kesatuan, beliau patut diberi hak untuk didengar supaya beliau boleh menyampaikan pandangan dan buah fikirannya. Proses perundingan patut dikekalkan di antara pihak Pendaftar dengan pihak kesatuan sekerja supaya apa-apa pertikaian yang timbul dapat diatasi secara tolak ansur.

Tuan Speaker, atas sebab-sebab ini saya ingin sekali lagi menyokong usul yang telah dibentangkan oleh rakan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menjawab.

4.07 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya membangkang usul yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Petaling tadi.

Di bawah Undang-undang Kesatuan Sekerja sejak sebelum kita merdeka, sesebuah kesatuan sekerja kenalah terdiri daripada pekerja-pekerja ataupun majikan-majikan daripada sesuatu perusahaan atau pekerjaan yang tertentu ataupun serupa dan mempunyai tujuan utama meninggikan kepentingan ahli-ahlinya dalam syarat-syarat dan keadaan pekerjaan mereka. Dalam keadaan sedemikian adalah jelas bahawa kesatuan-kesatuan sekerja mestilah dipimpin oleh pihak-pihak yang sebenar-benarnya terdiri daripada dan mempunyai latar belakang perusahaan atau pekerjaan yang berkenaan.

Dengan ini sahajalah mereka ini dapat menumpukan masa dan perhatian mereka semata-mata terhadap tujuan utama kesatuan sekerja itu. Dalam keadaan-keadaan yang tertentu Menteri Buruh boleh juga mengecualikan seseorang pemimpin yang bukan terdiri daripada perusahaan atau pekerjaan yang diliputi oleh sesuatu kesatuan sekerja daripada sekatan-sekatan yang saya sebut tadi mengikut kepada keadaan kesatuan sekerja itu.

Asas inilah yang telah dapat menyelamatkan pergerakan Kesatuan Sekerja kita di Malaysia daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir subversif dan memberi kebebasan kepada pergerakan-pergerakan Kesatuan Sekerja kita. Kawalan itu saya rasa adalah dikehendaki dan mustahak. Adalah penting bagi usaha pembangunan negara kita untuk menentukan bahawa pergerakan Kesatuan Sekerja kita tidak di peralatkan oleh pihak-pihak yang tidak akan mementingkan hasrat ahli-ahlinya dan sebaliknya menjadikan pergerakan itu sebagai satu platform untuk memajukan fahaman dan sokongan politik mereka sendiri. Sudah tentu kejadian seperti itu akan menjejaskan tujuan murni Pergerakan Kesatuan Sekerja kita dan membawa kepada penyalahgunaan perlindungan, galakan dan bantuan yang diberi kepada pergerakan itu oleh undang-undang negara kita dan Kerajaan kita sendiri sejak negara kita sudah merdeka. Bahkan juga keselamatan dan kesejahteraan ekonomi kita mungkin akan dijadikan satu barang tebusan oleh pihak-pihak luar (outsiders) daripada Trade Union Movement itu, kepentingan Pergerakan Kesatuan Sekerja kita adalah terlalu besar saya rasa untuk dibenarkan kepada ahli-ahli politik.

Harus juga saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa larangan di bawah Ordinan Kesatuan Sekerja kita adalah dikenakan kepada semua ahli-ahli politik baik daripada parti-parti yang memerintah ataupun parti-parti pembangkang. Jadi tidak ada satu sebab bagi Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu meneruskan sebarang kecurigaan terhadap larangan itu.

Dalam perkara ini saya masih ingat bahawa Ahli Yang Berhormat dari Petaling sendiri adalah salah seorang yang selalu menjerit kuat mengenai campur tangan ahli-ahli politik di dalam hal ehwal perhubungan perusahaan. Dan saya adalah berasa terperanjat bahawa Ahli Yang Berhormat itu sendiri sekarang cuba hendak mengekalkan peranan dan tempat ahli-ahli politik di dalam Kesatuan Sekerja pula. Saya rasa apa yang diikhtiarkan oleh beliau ialah untuk menentukan bahawa pihak mereka sahaja iaitu DAP dapat diberi peranan di dalam Kesatuan-kesatuan Sekerja dengan pindaan yang diusulkan oleh beliau.

Beliau tadi di dalam ucapannya telah menyatakan bahawa larangan kepada ahli-ahli

politik memegang jawatan di dalam badan-badan Kesatuan Sekerja adalah satu yang menjejaskan hak asasi pekerja-pekerja dan menjejaskan hasrat pekerja-pekerja untuk menyuarakan kekurangan mereka, kelemahan mereka, kehendak mereka ke dalam Dewan yang mulia seperti ini. Saya harus menyatakan di sini bahawa larangan yang dikenakan di dalam Rang Undang-undang itu adalah kepada ahli-ahli politik ataupun pekerja-pekerja yang memegang jawatan dalam badan executive badan-badan politik ataupun Kesatuan-kesatuan Sekerja. Tidaklah timbul soal bahawa Kerajaan atau Undang-undang pada masa ini menjejaskan ataupun melarang hak-hak asasi kepada pekerja-pekerja untuk menyertai dalam gerakan politik ataupun ahli-ahli politik menyertai di dalam Pergerakan Kesatuan Sekerja.

Saya rasa dalam keadaan yang ada pada masa ini dalam demokrasi berparlimen tidak ada halangan ataupun larangan kepada sesiapa pun untuk mencampuri dalam pilihanraya-pilihanraya ataupun berdiri di dalam Dewan ini baik daripada bangku-bangku Pembangkang ataupun bangku Kerajaan untuk menyuarakan soal-soal yang berkaitan dengan hal buruh ataupun hal ehwal perhubungan perusahaan.

Jadi hujah bahawa larangan ini ataupun undang-undang ini menjejaskan hak asasi pekerja-pekerja ataupun melemahkan kebolehan mereka untuk menyuarakan kekurangan mereka di dalam Dewan seperti ini tidaklah kena pada tempatnya dan saya rasa Ahli Yang Berhormat itu cuba sahaja.

Dengan demikian, saya fikir bahawa adalah lebih-lebih mustahak bahawa peruntukan di bawah Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 yang melarang seseorang pegawai atau pekerja dalam parti politik menjadi seorang pegawai sesebuah Kesatuan Sekerja hendaklah terus dikekalkan.

Mengenai perkara yang lain itu iaitu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagaimana yang beliau mungkin sedar peruntukan di bawah Seksyen 26 (3) Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 membolehkan Pendaftaran Kesatuan Sekerja memerhatikan bahawa mana-mana golongan pekerja menjadi ahli sebarang Kesatuan Sekerja yang

melibatkan diri mereka dalam tindakan perusahaan yang menyalahi undang-undang hendaklah berhenti daripada menjadi Ahli Kesatuan Sekerja itu. Dengan demikian ahli-ahli yang demikian hendaklah dipotong keahlian mereka dari daftar keahlian kesatuannya. Peruntukan ini adalah mustahak bagi memperhibatkan lagi kesejahteraan dalam perhubungan perusahaan yang mustahak sekali bagi maksud pertumbuhan ekonomi negara kita.

Bagi maksud mencapai tujuan ini dengan berkesannya adalah kerap kali mustahak bagi Pendaftar Kesatuan Sekerja mengambil tindakan secara pentadbiran yang tegas sebelum keadaan itu menyebabkan kerosakan yang tidak dapat diperbaiki lagi. Peruntukan Ordinan Kesatuan Sekerja inilah yang menghalang wild cat strikes dalam perindustrian kita.

Sekiranya syor Ahli Yang Berhormat itu untuk mengadakan satu procedure mengenai peruntukan untuk diterima kebolehan Pendaftar Kesatuan Sekerja untuk bertindak secara tegas apabila keadaan memerlukan boleh mendatangkan kesan yang sebaliknya. Tidak ada satu alasan yang boleh diterima yang menunjukkan bahawa di bawah peruntukan yang ada sekarang ini Pendaftar telah bertindak tanpa mematuhi peraturan-peraturan "natural justice". Adalah diakui kadang-kadang oleh sebab banyaknya bilangan pekerja-pekerja yang terlibat maka Pendaftar tidak dapat memberi kepada tiap-tiap pekerja yang terlibat itu peluang untuk mendengar dari mereka dahulu sebelum tindakan pentadbiran untuk mengeluarkan keahlian mereka itu dibuat.

Walau bagaimanapun, kesatuan yang mewakili pekerja-pekerja yang terlibat itu adalah sentiasa diberi peluang yang mencukupi untuk menafikan sebarang ketefangan-keterangan mengenai tindakan perusahaan itu sebelum Pendaftar mengambil tindakan.

Saya boleh memberi akuan di dalam Dewan ini bahawa bukanlah satu amalan bagi Pendaftar Kesatuan Sekerja mengambil tindakan yang demikian tanpa keterangan-keterangan yang mencukupi yang menunjukkan tindakan yang haram telah berlaku sungguhpun setelah tindakan sedemikian diambil adalah diterima sebarang perwakilan oleh ataupun bagi pihak mana-mana pekerja yang

terlibat dia masih boleh dipertimbangkan dan sekiranya ada merit dalam rayuan itu dalam sebarang kes yang tertentu keahlian pekerja yang berkenaan akan dikembalikan kepada Registrar of Trade Unions itu.

Adalah tidak perlu untuk kita membuat pindaan kepada Ordinan Kesatuan Sekerja seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu tadi.

Dengan penjelasan itu, saya memohon Dewan ini menolak Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.20ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1979 dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Rendah, 1948 dengan tujuan untuk membolehkan Majisteret-majisteret Kelas Satu di Semenanjung Malaysia membicarakan kes-kes di bawah Seksyen 392 dan 457 Kanun Keseksaan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada masa ini Majisteret-majisteret Kelas Satu di Semenanjung Malaysia, umpamanya mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes jenayah yang boleh dihukum penjara tidak lebih daripada 10 tahun penjara atau denda.

Seksyen 392 dan Seksyen 457 Kanun keseksaan masing-masing mempunyai dua bahagian. Bahagian Pertama (merompak) membawa hukuman penjara tidak lebih daripada 10 tahun. Sementara itu, bahagian kedua (merompak di waktu malam hari) membawa hukuman penjara sehingga 14 tahun penjara. Ini bererti bahawa, pada masa

ini, kesalahan di bawah bahagian pertama seksyen tersebut boleh dibicarakan oleh Majisteret Kelas Satu manakala kesalahan di bawah bahagian kedua seksyen yang sama hanya boleh dibicarakan oleh Yang Di-Pertua Mahkamah Seksyen.

Demikian juga dengan Seksyen 457. Bahagian pertama (menceroboh masuk rumah atau pecah rumah pada malam hari dengan tujuan untuk melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara) membawa hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun dan oleh itu boleh dibicarakan oleh Majisteret Kelas Satu, manakala bahagian kedua (menceroboh masuk rumah atau pecah rumah pada malam hari dengan tujuan untuk mencuri) boleh di hukum penjara sehingga 14 tahun dan oleh sebab itu hanya boleh dibicarakan oleh Yang Di-Pertua Mahkamah Seksyen.

Oleh sebab Mahkamah-mahkamah Seksyen hanya terdapat di ibu sesebuah negeri atau di bandar-bandar besar sahaja dan tidak di tiap-tiap daerah seperti Mahkamah Majisteret, maka hal ini telah menimbulkan beberapa kesulitan kepada pihak Polis dan orang awam.

Sebenarnya, memberi bidang-kuasa kepada Majisteret Kelas Satu untuk membicarakan semua kes-kes di bawah dua seksyen-seksyen ini tidaklah akan menimbulkan apa-apa masalah undang-undang kepada Majisteret-majisteret tersebut kerana perbezaan di antara kesalahan-kesalahan di bawah bahagian pertama dan bahagian kedua seksyen-seksyen tersebut hanya amat sedikit di bawah seksyen 392, sama ada kesalahan itu dilakukan di waktu siang hari di waktu malam manakala di bawah seksyen 457 ialah sama ada tujuannya itu untuk mencuri atau untuk melakukan kesalahan-kesalahan lain yang boleh dihukum penjara.

Selain daripada itu, dengan dimasukkan kes-kes di bawah seksyen-seksyen tersebut di bawah bidang-kuasa Majisteret Kelas Satu tidaklah akan menambah bilangan kes-kes di Mahkamah-mahkamah Majisteret dengan banyak kerana bilangan kes-kes tersebut adalah tidak banyak dan juga kerana bilangan Mahkamah-mahkamah Majisteret adalah lebih banyak dibandingkan dengan bilangan Mahkamah-mahkamah Seksyen. Malah dengan pindaan ini kes-kes tersebut

akan dapat dibicarakan dengan lebih segera dan akan mengurangkan perbelanjaan di samping mengurangkan kesulitan pihak Polis dan orang awam dan melicinkan lagi pentadbiran undang-undang di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu usul bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah, 1940 sekarang dibuka untuk perbincangan. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sepang

4.26 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya adalah menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan, cuma saya suka hendak menyentuh di atas suatu trend akhir-akhir ini iaitu memberi lebih kuasa jurisdiction kepada mahkamah-mahkamah kita. Mungkin agaknya disebabkan kita membatalkan rayuan kepada Privy Council maka oleh hal yang demikian kita terpaksa menambahkan kekuasaan ataupun jurisdiction kepada mahkamah-mahkamah kita yang ada.

Cuma saya hendak bertanya, apakah ada suatu usaha dan ikhtiar bagi meningkatkan mutu dan kebolehan pengadil-pengadil kita terutama di mahkamah-mahkamah rendah supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka yang sekarang ini dilipatgandakan dengan mengadil kes-kes yang agak rumit (complicated) disebabkan oleh kuasa yang lebih diberi kepada mereka, kerana apa yang saya dapati sekarang ialah kuasa mahkamah-mahkamah rendah makin lama makin bertambah. Tetapi di samping itu nampaknya tidak ada suatu usaha atau ikhtiar bagi meningkatkan kemampuan dan kebolehan mahkamah-mahkamah rendah kita untuk mengendali kes-kes yang mana telah diberikan kepada mereka sebagai jurisdiction ditambah.

Saya tidaklah menyatakan bahawa sekarang ini telah ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa efficiency mahkamah rendah kita

sudahpun terjejas. Tidaklah saya membuat tuduhan yang begitu rupa, cuma saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada kemungkinan berlakunya dengan kita menambah jurisdiction dan kuasa mahkamah rendah kita dengan kita tidak pula menyaingnya dengan usaha-usaha memperlengkapkan dan mencekapkan kebolehan mereka yang duduk sebagai pengadil di mahkamah rendah. Kemungkinan yang ada bahawa di masa-masa yang akan datang cara kita mentadbirkan keadilan di negara kita mungkin akan terjejas, lebih-lebih lagi di mahkamah rendah, di sinilah sebilangan besar rakyat membawa kes-kes mereka untuk mendapat keadilan saya fikir patut kita pusatkan usaha-usaha atau ikhtiar kita supaya kita akan dapat memberi satu keadilan yang sebaik-baiknya kepada rakyat jelata kita.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sekali lagi saya suka menyatakan bahawa saya tidak sekali-sekali menyatakan di sini bahawa saya ragu di atas efficiency ataupun kebolehan mahkamah rendah kita. Saya cuma menarik perhatian kepada kemungkinan berlakunya terjejas keadilan di mahkamah rendah sekiranya kita turut menambahkan jurisdiction dari ke masa tanpa mengimbangkan dengan usaha-usaha dan ikhtiar-ikhtiar yang positif bagi meningkatkan mutu kebolehan dan kemampuan kecakapan mereka bagi mengendali kes-kes ataupun jurisdiction yang kita berikan kepada mereka itu dari masa ke semasa. Terima kasih.

4.30 ptg.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih atas pandangan yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Seperti yang saya terangkan tadi bahawa dengan bertambahnya kuasa ini tidaklah akan merumitkan Mahkamah yang berkenaan, tujuannya ialah semata-mata untuk mempercepatkan kes-kes dibicara supaya memudahkan kesulitan-kesulitan yang harus dihadapi oleh pihak Polis dan orang awam sekiranya kes-kes seumpama itu dibicarakan berasingan.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kemungkinan

mendatangkan kelemahan atau kerumitan-kerumitan yang mungkin dihadapi oleh Mahkamah Majistret apabila bidang kuasa Mahkamah Majistret ditambah. Perkara ini memang sudah dikaji sedalam-dalamnya oleh pihak Kerajaan dan saya inginlah memberi jaminan bahawa tindakan-tindakan yang bersesuaian akan menyusul untuk memastikan bahawa perjalanan Mahkamah seperti tujuan Undang-undang ini dikemukakan ialah untuk mempercepatkan perbicaraan dan ini adalah satu perkara yang akan dikaji dari masa ke masa, maka dengan itu kita tidak perlu bimbang mengenai dengan kelemahan-kelemahan ataupun kerumitan-kerumitan yang akan timbul.

Sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa pihak Kerajaan akan memastikan bahawa perkara ini tidak akan berlaku.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan pada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Acara Kewangan, 1957" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memasukkan satu perenggan (e) baru di bawah Seksyen 18 Akta itu dengan tujuan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan untuk mengenakan bayaran pokok ataupun surcaj ke atas sesiapa yang telah tidak membayar ataupun bertanggungjawab dalam kelewatan untuk membuat apa-apa bayaran kepada pihak-pihak yang berhak menerima bayaran tersebut sama ada daripada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri. Bayaran dimaksudkan ini ialah bayaran-bayaran yang terlibat untuk dibuat kepada pihak-pihak tertentu di bawah apa-apa juga kontrak serta perjanjian dan juga perkiraan yang telah dibuat antara pihak-pihak itu dengan Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Acara Kewangan ini dianggap perlu dibuat pada masa ini oleh kerana telah wujud beberapa masalah akibat adanya kelewatan-kelewatan pembayaran di pihak-pihak Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga pihak-pihak Kementerian/Kerajaan dalam usaha perlaksanaan kontrak-kontrak antara pihak-pihak tertentu seperti kontraktor-kontraktor atau pembekal-pembekal dengan Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Oleh kerana terdapatnya kelewatan pembayaran ini dibuat kepada pihak yang membuat kontrak dengan Kerajaan itu maka pembekal-pembekal dan kontraktor-kontraktor terutamanya pembekal daripada kontraktor bumiputra telah menghadapi masalah aliran wang ataupun cash flow dan didapati bahawa kelewatan-kelewatan ini timbul oleh kerana kurangnya pengesanan atau monitoring di pihak pegawai-pegawai pengawal (controlling officers) yang terlibat di dalam Jabatan ataupun Kementerian yang berkenaan, iaitu kurangnya pengesanan mereka untuk memastikan rekod-rekod mengenai bayaran dibuat dengan sempurna. Pendek kata bolehlah dianggap bahawa kelewatan pembayaran ini timbul akibat masalah-masalah dalam susunan pentadbiran sendiri, maka sudah sampai masanya untuk dipinda Akta Acara Kewangan, 1957 supaya pegawai-pegawai yang mana tidak dapat memberi penerangan yang memuaskan atas mengapa kelewatan itu berlaku boleh

dikenakan satu bayaran surcaj ataupun bayaran tokok kerana kelewatan membuat bayaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis kita ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Acara Kewangan, 1957 iaitu:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Acara Kewangan (Pindaan) 1979.
2. Seksyen-kecil (4) seksyen 15A Akta Acara Kewangan 1957, yang di dalam Akta ibu, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "or (d)" dengan perkataan-perkataan, "(d) or (e)".
3. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda:
 - (a) dengan memotong perkataan "or" yang terdapat di hujung perenggan (c);
 - (b) dengan menggantikan koma yang terdapat di hujung perenggan (d) dengan perkataan ";or";
 - (c) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (d), perenggan (e) baru yang berikut:

"(e) has failed to make any payment, or is or was responsible for any delay in the payment, or public moneys of the Federal Government or the Government of the State to any person to whom such payment is due under any law or any contract, agreement or arrangement entered into between that person and the Federal Government or the Government of the State,"; dan

(d) dengan menggantikan semua perkataan yang terdapat selepas perenggan (e) baru itu dengan yang berikut:

“and if a satisfactory explanation is not, within a period specified by the Commission, furnished to the Commission with regard to the failure to collect, improper payment, payment not duly vouched, deficiency or destruction, or failure to keep proper accounts or records, or failure to make payment, or delay in making payment, the Commission may surcharge against the said person a sum not exceeding the amount of any such amount not collected, such payment, deficiency, or loss or the value of the property destroyed as the case may be; and with regard to the failure to keep proper accounts or records, or the failure to make payment, or the delay in making payment, the Commission may surcharge against the said person such sum as the Commission may think fit.”

dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

4.40 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk memberi ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang telahpun mengemukakan Rang Undang-undang yang begini yang memang lama ditunggu-tunggu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dasar Ekonomi Baru memang menjadi hasrat Kerajaan untuk hendak mewujudkan seberapa ramai usahawan-usahawan bumiputra terutama sekali di dalam bidang pembinaan dan sebagainya dan telahpun menjadi

pengetahuan umum bahawa kontraktor-kontraktor bumiputra telahpun gagal dan tercicir bukan kerana mereka tidak mampu di dalam mengerjakan kerja-kerja mereka, tetapi disebabkan mereka telah tergendala di dalam aliran kewangan mereka kerana kelewatan pembayaran daripada pihak-pihak berkuasa baik di peringkat Negeri ataupun Persekutuan. Perkara ini sudah begitu lama berlaku dan dengan sebab sedemikian banyak usahawan-usahawan bumiputra di bidang itu yang mana mempunyai potensi yang boleh berjaya telah gagal dan terjejas sama sekali. Bukan disebabkan oleh kelalaian ataupun ketidakbolehan mereka tetapi disebabkan terjejasnya aliran kewangan disebabkan oleh ada pegawai-pegawai yang lalai di dalam tanggungjawab mereka untuk membayar kewangan yang perlu dan patut dibayar kepada mereka itu setelah dilaksanakan kerja-kerja mereka di bawah kontrak-kontrak yang tertentu.

Saya suka menarik perhatian, mengapakah Kementerian yang berkenaan begitu lama menunggu untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini, walhal perkara ini sudahpun begitu lama berlaku dan kita telah melihat begitu ramai usahawan-usahawan bumiputra gugur disebabkan oleh masalah ini dan baru inilah sekarang dikemukakan undang-undang yang bertujuan untuk mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, sungguhpun agak lewat, seperti kata pepatah Inggeris: Better late than never. Tetapi biarlah di masa-masa yang akan datang pihak Kerajaan hendaklah mengesan sesuatu masalah itu dengan cepat, jangan membiarkan keadaan begitu lama, bila sudah dekat-dekat baharulah kita hendak ambil tindakan supaya dalam keadaan sekarang kita cuma ada 10 tahun lagi tertinggal di bawah Dasar Ekonomi Baru, baharulah sekarang kita tergesa-gesa membawa Rang Undang-undang semacam ini. Walau bagaimanapun, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini yang saya mempunyai penuh harapan akan mengatasi masalah-masalah usahawan-usahawan bumiputra yang bergiat memasuki kegiatan-kegiatan tersebut.

Satu lagi yang saya suka hendak menyentuh biarlah Rang Undang-undang yang kita

hendak setujukan ini benar-benar mengatasi masalah ini, jangan pula ada suatu cara berlakunya tafsiran untuk hendak mengelakkan tujuan dan matlamat pindaan kepada undang-undang Akta Acara Kewangan, 1957 ini dengan seumpamanya menimbulkan masalah kelambatan (delay). Apakah maksud kelambatan? Apa yang dimaksudkan dengan lambat? Soal lambat ini mungkin satu soal subjective, terserah kepada pemikiran masing-masing, mungkin bagi saya perkara itu lambat Tuan Yang di-Pertua, mungkin kepada seorang lagi bukan lambat—tidak lambat. Jadi apakah yang dimaksudkan dengan lewat dan lambat ini juga mestilah benar-benar ditafsirkan supaya tujuan dan matlamat pindaan kepada Akta Acara Kewangan ini dapat benar-benar memenuhi hasrat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian setelah kita menentukan dengan jelas dan terang maksud delay ataupun lambat tadi, maka kita hendaklah dengan berani melaksanakan kuasa yang diberi itu. Saya sungguh-sungguh berharap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kita supaya jangan teragak-agak untuk mengarahkan kepada pihak yang tertentu untuk menggunakan kuasa ini apabila berlaku keadaan-keadaan yang mana pihak suruhanjaya (commission) itu difikirkan perlu dan patut mengambil tindakan di atas pegawai-pegawai ataupun mereka yang berkenaan. Janganlah saya harap perkara ini menjadikan suatu amaran sahaja, kata orang sebagai suatu “deterrent” sahaja, sebagai suatu yang menakuti sahaja tetapi tidak dilaksanakan. Saya sungguh-sungguh berharap bahawa kuasa yang diminta ini insya Allah akan diberi kepada pihak yang berkuasa ini akan digunakan dengan penuh berani, tegas dan adil dan janganlah pihak yang diberi kuasa itu teragak-agak lagi dalam mengenakan surcaj kepada mereka yang telahpun melakukan kelalaian di atas amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka itu.

Saya menyatakan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada setengah-setengah Rang Undang-undang yang mana telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini lulus, diberi kuasa tetapi pihak-pihak yang berkenaan setelah diberi kuasa itu masih juga lagi teragak-agak menggunakan kuasa yang diberi itu. Ini bukanlah kepada semua kuasa-kuasa yang diberi oleh Dewan yang mulia ini tetapi ada

berlaku sedikit-sedikit di sana sini yang mana kita telah memberikan kuasa yang dikehendaki tetapi kuasa itu setelah diberi tidak digunakan bagi memenuhi hasrat dan cita-cita Dewan yang mulia ini. Saya sungguh-sungguh berharap bahawa kuasa yang diberi di bawah pindaan ini jangan pula termasuk di dalam kategori semacam itu yang mana setelah diminta kuasa itu, diberi kuasa itu tetapi kuasa itu tidak mahu digunakan oleh pihak yang berkuasa itu. Jadi biarlah perkara ini jangan berlaku dan setelah diberi kuasa yang dikehendaki itu, kuasa itu akan digunakan dengan sepenuh-penuhnya dan saya percaya insya Allah dengan kuasa yang diberi dan dengan badan yang diberi kuasa itu menggunakan kuasa itu dengan penuh adil, tegas dan bertanggungjawab, saya percaya usahawan-usahawan bumiputra di bawah Dasar Ekonomi Baru yang mungkin akan gagal dengan tidak adanya undang-undang seperti ini, insya Allah di masa akan datang ini akan bernafas, akan bergerak, akan maju dan akan berjaya, insya Allah di dalam bidang-bidang mereka itu.

5.00 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian berkenaan kerana mengadakan satu akta yang sangat sesuai dan di dalam ingatan saya boleh mengatasi masalah-masalah khasnya kontraktor bumiputra tetapi saya hendak mengambil peluang memberi pendapat saya memandangkan ini masalah bumiputra bukan semata-mata di dalam kekurangan cash flow.

Jika masalah yang dihadapi oleh kontraktor bumiputra adalah seluruhnya oleh kerana mereka ada masalah cash flow, saya ingat masalah itu bukan sahaja oleh kerana pegawai-pegawai Kerajaan tidak memberi progress payment mengikut timing atau mengikut program tetapi barangkali oleh kerana masalah cash flow itu terjadi oleh kerana kontraktor over stretched his capacity. Dan saya harap Kementerian boleh mengadakan satu committee atau satu analisa yang lebih detail untuk menyiasat kenapa kontraktor bumiputra sedang menghadapi masalah di mana kontraktor bukan bumiputra tidak menghadapinya.

Dari ingatan saya, Tuan Yang di-Pertua, masalah kontraktor bumiputra ialah juga oleh kerana management dan technical know-how adalah kurang. Sebagai contoh masalah management ialah seorang kontraktor bumiputra yang telah mendapat tender membina sebuah sekolah di Jinjang dan selepas kontraktor itu telah menyiapkan piling estimatunya tidak termasuk estimate of cost rise in building materials dan selepas itu dia telah gagal menyiapkan kontrak itu dan sekarang kita terpaksa mengambil lagi satu tender yang baru. Oleh kerana itu saya mengharapkan pihak yang berkenaan tidaklah oleh kerana Akta ini mengambil pegawai-pegawai Kerajaan sebagai scape-goat oleh kerana ada lain-lain faktor yang mana kontraktor-kontraktor bumiputra menghadapi dan saya harap Kerajaan boleh menubuhkan satu Unit Kerja Khas untuk membantu dan memberi nasihat kepada kontraktor yang ada rekod selalu menghadapi cash flow problem.

4.54 ptg.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan membuat beberapa komen yang bernas.

Tentang soalan Ahli Yang Berhormat dari Sepang mengapa agak lama baru dipinda Acara Kewangan 57 ini untuk mengenakan surcharge, Tuan Yang di-Pertua, memang benar kita telah menerima sejak beberapa lama dahulu rungutan-rungutan daripada pihak kontraktor dan juga pembekal-pembekal bumiputra dan juga bukan bumiputra tentang kelewatan membayar kepada mereka sama ada progress payment ataupun final payment dan juga lain-lain bayaran yang berkaitan oleh jabatan ataupun Kementerian-kementerian di mana projek-projek itu dilaksanakan ataupun untuk mana projek-projek itu dilaksanakan, namun demikian pihak Kerajaan mestilah berpuas hati bahawa kelewatan ini dapat dikesan sebab-sebabnya dan di Kementerian Kewangan telahpun ditubuhkan dua tahun yang lepas satu Task Force atau satu Jawatankuasa Bertindak untuk mengkaji sedalam-dalamnya cara-cara pembayaran di jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian dengan tujuan untuk mengesan dengan tepat

dan teliti di manakah kelewatan itu berlaku dan apabila berlaku apakah sebabnya kelewatan berlaku. Dan selain daripada task force itu juga ada dijalankan usaha-usaha dengan mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan pihak-pihak yang telah terlibat iaitu persatuan-persatuan pemborong, persatuan-persatuan pembekal, misalnya, untuk mendapatkan maklumat yang teliti dari pihak mereka mengapa kelewatan berlaku. Jadi rumusan daripada usaha-usaha Kerajaan seperti ini telah didapati memang kedua-dua pihak ada mempunyai masalah iaitu kelewatan ini timbul di pihak Kerajaan sendiri dan juga di pihak pembekal-pembekal dan kontraktor itu sendiri.

Bagi pihak Kerajaan telah kita dapati seperti telah saya terangkan tadi ada didapati di peringkat-peringkat pembayaran itu berlaku, pegawai-pegawai yang oleh kerana tidak begitu teliti menjalankan kerja dan boleh juga dikatakan kerana kelalaian telah lewat membayar sehingga berbulan-bulan progress payment ataupun bayaran-bayaran beransur-ansur tadi juga bayaran-bayaran akhir dan telah menyebabkan kontraktor dan pembekal-pembekal itu menghadapi masalah aliran wang tunai kerana tidak dapat menambah modal perjalanan mereka dan ini dikesan, didapati mereka telah tidak mematuhi jangka masa yang diberi untuk mereka bertindak menyelesaikan pembayaran. Perlu saya tegaskan bahawa pihak Kementerian Kewangan dan juga kementerian-kementerian lain, telahpun mengeluarkan terutamanya pihak Kementerian Kewangan telahpun mengeluarkan di masa-masa yang lepas Arahan-arahan Perbendaharaan dan juga peraturan-peraturan melalui surat-surat pekeliling mengenai bukan sahaja procedure membuat bayaran dan menyemak tuntutan bayaran tetapi juga mengenai jangka masa dalam mana setiap pegawai yang terlibat dalam menyemak tuntutan dan akhirnya membuat bayaran boleh bertindak iaitu jangka masa maksima. Seseorang pegawai misalnya diberi sekian masa, beberapa hari untuk bertindak di peringkat dia sebelum disampaikan ke peringkat lain, setelah didapati melalui task force ini bahawa di masa-masa yang lepas peringkat-peringkat yang terlibat dalam menerima tuntutan dan membuat bayaran agak banyak, terlalu banyak peringkatnya dan ini telahpun

dipendekkan sehabis-habis singkat sekarang, supaya cekap pembayaran itu dibuat. Namun demikian, masih juga ada lagi kelewatan seperti saya katakan tadi bahawa ada pegawai-pegawai yang tidak mematuhi jangka masa yang dihaskan bagi dia untuk menjalankan kerja menyemak tuntutan bayaran ataupun pembayaran. Maka inilah ditimbulkan surcharge ini kepada mereka yang berbuat demikian. Maka adalah kriteria untuk kelewatan ini. Kriteria ini terdapat di dalam Arahan-arahan Perbendaharaan mengenai jangka masa tindakan seseorang pegawai membuat bayaran.

Saya katakan juga bahawa ada kesilapan atau kesalahan terletak di golongan pembekal dan pemborong itu sendiri, bumiputra atau bukan bumiputra kerana kami telah dapati bahawa kerap kali terdapat keadaan di mana pemborong dan pembekal mengemukakan tuntutan bayaran yang tidak lengkap maklumat-maklumatnya.

Jadi, berulang aliklah surat-menyurat dan maklumat maklum balas tadi sebelum pegawai dapat mengesahkan tuntutan dan akhirnya membuat bayaran. Ini telah diterangkan kepada pemborong dan pembekal bahawa apabila mereka membuat tuntutan baik untuk progress payment, baik untuk bayaran apa juga yang terlibat perlulah membuat tuntutan yang lengkap dengan segala butir-butir dikehendaki supaya tidak payah lagi kelewatan berlaku akibat berulang aliknya surat-menyurat antara dia dengan pihak Jabatan atau Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang supaya janganlah Commission ini hendak mengertak sahaja pegawai-pegawai Kerajaan, inginlah saya memberi jaminan di sini bahawa Suruhanjaya yang berkenaan di bawah mana pegawai itu terlibat akan mengambil tindakan kerana saya percaya tidaklah guna kita membuat pindaan kepada Acara Kewangan seperti ini jika kita tidak mahu bertindak apabila kita dapati memang benar kesalahan dari segi konteks kelewatan bayar itu berlaku seperti yang ditakrifkan di sini. Dan biarlah saya tegaskan Kerajaan tidak merestui ketidak kecekapan di kalangan pegawainya atau kakitangannya dan terutama sekali tidak merestui kelalaian-kelalaian

seperti kelewatan, pembayaran yang pertamanya menyusahkan pihak lain dan kedua, lebih penting juga, menghalang implimentasi projek-projek Kerajaan yang bertujuan untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi telah mengatakan bahawa sebenarnya cash flow problem kalangan kontraktor bumiputra bukan sahaja kerana kelewatan pembayaran. Saya juga tidak katakan demikian. Saya katakan akibat lewat bayaran maka akan timbul kesulitan cash flow. Kita mengakui bahawa seorang kontraktor atau pemborong atau pembekal itu tidak kira bumiputra atau bukan bumiputra jika dia overstretched, maknanya memulakan projek dengan modal yang terhad ataupun di mana modal kecil dan nilai projek terlalu besar untuk ditampung oleh modal yang ada di tangannya itu yang diperolehi oleh sumber lain sudah pasti overstretching ini akan membawa kepada cash flow problem.

Tentang syor satu jawatankuasa ditubuhkan, pada setakat ini belum ada jawatankuasa tetapi inginlah saya mengatakan Kementerian Kewangan terutamanya dan juga Kementerian-kementerian lain yang berkaitan selalu mengesan supaya misalnya apabila diberi tawaran-tawaran untuk menjalankan kontrak-kontrak Kerajaan kepada kontraktor-kontraktor bumiputra ataupun bukan bumiputra disiasat juga latarbelakang perlaksanaannya di masa-masa yang lepas, supaya memastikan dia tidak diberi terlalu banyak kontrak yang akan menyusahkan juga balik kontraktor itu sendiri, jadi memang dikesan. Saya rasa setakat ini belumlah ada cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa kerana penyusunan ini dianggap berkesan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada dua orang Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan saya berharap dengan ini dapatlah diatasi soal-soal kelewatan pembayaran dari pihak Kerajaan kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan menjalankan projek-projek dengan pihak Kerajaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak membuat satu

pengumuman iaitu Dewan ini ditempokkan selama 20 minit dari sekarang.

Persidangan ditempokkan pada pukul 5.04 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.25 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN (PINDAAN)

Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 bagi menubuhkan Perbadanan Kemajuan Kraftangan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini dirangka ialah untuk mengembangkan aktiviti-aktiviti perusahaan kraftangan dengan lebih giat dan berkesan serta menyeluruh. Sehingga sekarang ini usaha-usaha ini sedang dijalankan oleh MARA melalui sebuah Lembaga yang ditubuhkan di bawah peraturan-peraturan Majlis tersebut.

Melalui Rang Undang-undang ini Lembaga dinaikkan taraf daripada anak Perbadanan

MARA di atas sifatnya sendiri dengan nama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Di masa-masa yang lampau perusahaan kraftangan lazimnya merupakan aktiviti sambil di masa-masa lapang dan bukan satu kegiatan pencarian sara hidup yang utama. Pengeluaran-pengeluarannya berasaskan kepada teknologi yang simple dan kemudahan bahan-bahan mentah yang terhad. Perkembangan dan kemajuan selanjutnya adalah juga bergantung terutamanya kepada input dan penggunaan secara kreatif bahan-bahan yang ada. Kian hari perusahaan kraftangan telah bertambah dan mencapai taraf yang boleh dikatakan sophisticated dengan penggunaan kaedah-kaedah teknologi dan dengan wujudnya kemudahan kredit dan lain-lain corak bantuan Kerajaan. Walau bagaimanapun perusahaan ini perlu dipergiatkan lagi memandangkan potensi yang masih belum dieksploitasikan sepenuhnya.

Pada masa ini perusahaan batik, perak dan tembaga telah memberi pekerjaan lebih kurang 10,000 orang dan menyara hidup lebih kurang 30,000 orang. Jumlah ini ditambah pula dengan 7,000 orang yang terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti anyaman dan tenunan. Dengan wujudnya Perbadanan Kemajuan Kraftangan, Kerajaan berharap akan dapat menentukan satu haluan baru serta memberi keutamaan-keutamaan yang tertentu supaya semua sumber-sumber bahan-bahan dan tenaga akan dapat digunakan dengan lebih teratur dan produktif. Tegasnya Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia akan menumpukan usaha-usaha khusus kepada perkembangan hasil pengeluaran sebagai fungsi utama. Perkhidmatan bantuan pemasaran dan mewujudkan dan memperkembangkan tenaga kerja untuk mengekalkan perusahaan kraftangan. Sukacita saya menerangkan bahawa di dalam program perkembangan hasil pengeluaran tumpuan akan diberi kepada perkembangan rekaan, penggalakkan rekaan, program pengawalan rekaan dan program latihan rekaan. Begitu juga di dalam khidmat bantuan pemasaran, seluruh tumpuan akan diperhebatkan kepada penggalakkan pengeluaran, penentuan had pengeluaran, mewujudkan rancangan serta strategi pemasaran yang agresif dan perlesenan dan persijilan. Dengan adanya usaha-usaha

galakkan tersebut serta usaha perlesenan dan persijilan oleh pihak Perbadanan terutama sekali ke atas hasil untuk diekspot maka ini akan dapat sedikit sebanyak menentukan mutu kraftangan yang baik serta sesuai dengan kehendak-kehendak pasaran luar negeri dan juga supaya hanya kraftangan tulin sahaja dipasarkan.

Selain daripada itu pengguna-pengguna akan dapat menikmati hasil kraftangan yang tulin yang telah mendapat sijil pengesahannya daripada Perbadanan.

Berhubung dengan program latihan perkara ini akan dikendalikan untuk melatih anak-anak muda di dalam bidang-bidang kemahiran yang perlu supaya usaha-usaha kraftangan tidak akan luput. Sebaliknya diperkembangkan dan seterusnya menjadi satu sumber mata pencarian. Di samping itu Perbadanan akan menyelaras segala usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi lain dan juga pengusaha-pengusaha yang terlibat di dalam perusahaan kraftangan secara langsung atau tidak langsung menerusi usaha-usaha mereka di dalam penyediaan, bantuan teknikal, bantuan-bantuan pakar, kredit, pengurusan dan pasaran. Perkembangan perusahaan kraftangan ini akan juga dengan sendirinya menyumbang kepada hasrat Kerajaan untuk meluaskan perindustrian diluar bandar. Dari segi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan sendiri secara langsung proses perkembangan ini akan menimbulkan peluang-peluang untuk pembangunan pengusaha-pengusaha kecil. Pembangunan ini boleh ditingkatkan dari masa kesemasa mengikut kehendak-kehendak kemajuan teknologi dan pasaran peningkatan melalui kemajuan teknologi dan pemasaran akan dilakukan tanpa menjejaskan nilai-nilai tradisional kraftangan. Kemajuan kraftangan umpamanya boleh dicapai dengan kerjasama pengusaha-pengusaha kraftangan serta agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sama ada oleh pihak Kerajaan ataupun pihak swasta dengan Perbadanan memainkan peranan utama kearah pencapaian matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masalah di hadapan Majlis sekarang ialah suatu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta berhubung dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan perusahaan Kraftangan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.35 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kraftangan Malaysia telah dilahirkan pada tahun 1973 sebagai anak kepada MARA. Dan alhamdulillah, pada hari ini anak itu mulai membesar dan telahpun dirasai oleh Menteri yang bertanggungjawab bahawa anak ini boleh hidup dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha pihak Kementerian ini ataupun Menteri yang berkenaan untuk mewujudkan satu Perbadanan yang dinamakan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Memangnya sebagai sebuah negara yang membangun perlu dicongkil sebarang bakat bukan sahaja untuk faedah negara sendiri bahkan juga dari segi untuk mencari nama di luar negeri melalui bakat-bakat kraftangan ataupun seni.

Tuan Yang di-Pertua, saya selain daripada mengalu-alukan dan juga mengucapkan tahniah kepada pihak yang berkenaan suka membuat beberapa komen tentang perkara yang ada di hadapan kita pada petang ini.

Perkara yang pertama, ialah soal definasi iaitu kalau dibenarkan saya quote:

“keluaran kraftangan” ertinya apa-apa keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan adalah hasil dari sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan.”

Yang saya hendak underlinekan, Tuan Yang di-Pertua, di sini ialah “atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan”. Saya ingin memberi ingatan supaya nilai-nilai kraftangan dan nilai-nilai seni dan kebudayaan ini tidak akan terlucut atau hilang sedikit demi sedikit dengan menggunakan

pentakrifan ini. Misalnya adalah tidak salah kalau sekiranya pihak-pihak yang berwajib nanti untuk mentafsirkan sesuatu perkara itu sebagai keluaran kraftangan kalau sekiranya hanya 1% sahaja dibuat dengan tangan. Mengikut tafsiran ini dari pandangan saya.

Malahan apa yang kita hajatkan dan saya yakin apa yang dihajatkan oleh pihak yang berkenaan ataupun Menteri yang berkenaan ialah pada asasnya kita hendak mempertahankan unsur-unsur seni atau kraftangan yang telah lama wujud berzaman-zaman di negara ini dicongkilkan kembali dan ini akan menjadi salah satu kebanggaan negara ini.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apabila perkara ini diambil perhatian, kita hendaklah berhati-hati supaya jangan kita membenarkan pihak-pihak yang cuba hendak terlalu mechanisekan kerja-kerja yang mereka anggapkan sebagai kraftangan ini bukan kerana dari segi kraftangan atau seni tetapi kerana dari segi commercial, itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin menyentuh dalam perkara-perkara yang saya rasa patut dipertimbangkan oleh Perbadanan ini apabila ianya diwujudkan nanti hasil daripada Rang Undang-undang ini setelah ianya diluluskan kelak.

Perkara yang pertama, saya mengharapkan Perbadanan ini dapat memajukan dan di mana perlu menggiat dan menghidupkan kembali mana-mana unsur-unsur seni kemahiran sama ada seni pertukangan atau sebagainya sama ada melalui bentuk kayu atau bentuk logam atau bentuk tanah, kain, tanduk dan sebagainya.

Saya dapati kalau 10 tahun dahulu perkara-perkara ini hampir-hampir lenyap mungkin oleh sebab timbulnya Lembaga Kraftangan pada tahun 1973 sedikit demi sedikit tidak jadi lenyap dan alhamdulillah pada hari ini masih hidup lagi. Tetapi perkara ini ada hubungannya dengan kemewahan (luxury). Soal ini hanya dapat dibeli, dimiliki dan dipunyai serta disimpan oleh orang-orang yang mempunyai wang yang lebih. Jadi salah satu perkara yang perlu di dalam soal hendak menghidupkan bahan-bahan seni sama ada tradisional atau sebaliknya adalah bergantung kepada kemampuan pasaran.

Pasaran yang saya maksudkan ini ialah umpamanya kalau Tuan Yang di-Pertua berpeluang melawat Pamiran Ukiran di Muzium Negara beberapa bulan yang lepas, kita dapati katil diukir begitu rupa daripada kayu dan harganya boleh tahan juga, harga ini adalah satu faktor yang tidak membolehkan setiap orang mempunyainya. Bagi perkara ini untuk berkembang maka faktor laku atau tidak, faktor pasaran ini adalah memainkan peranan yang penting. Dalam hal ini maka saya ingin mencadangkan supaya pihak perbadanan yang bakal ditubuhkan ini hendaklah memainkan peranan yang penting dari segi membeli, menyimpan dan juga memasarkan bahan-bahan ini.

Umpamanya, kalau kita melihat kepada bahan-bahan yang lain selain daripada kayu, kita rasa pada hari ini banyak perkara-perkara yang masih hidup lagi di kampung-kampung, hanya soal mencungkil bakat-bakat ini sahaja yang perlu diperhatikan. Misalnya bahan-bahan yang dibuat daripada tanduk, bahan-bahan yang dibuat daripada tanduk ini dari segi kegunaan (utility) sehari-hari kepada masyarakat yang mengukir atau yang menghasilkan bahan-bahan ini hampir-hampir tidak berfaedah langsung. Tanduk misalnya boleh dibuat penyangkut baju, apa perlu dibuat penyangkut baju dari tanduk kalau kita hanya menggunakan penyangkut baju yang boleh dibeli dengan harga 20 sen di kedai dan minta satu batang paku, lekat sahaja di dinding, sangkutlah baju kita. Jadi ertinya kalau dilihat dari segi utility perkara ini akan mati dan pihak perbadanan ini perlulah memperhitungkan soal ini dan perlulah soal seperti ini dibawa untuk faedah yang lain seperti tourist attraction untuk eksport dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya dapat lihat dalam ucapan Yang Berhormat Menteri tadi terdapat juga soal penyelidikan, penasihat dan pengembang. Izinkan saya bercakap sedikit soal penyelidikan, saya ingin memberi satu ingatan bahawa apabila kita hendak membuat satu penyelidikan tidak perlu kita mencari orang-orang yang lulus Ph.D daripada School of Fine Arts yang tidak ada di negara kita ini, sekolah yang demikian dan tidak perlu pegawai-pegawai tinggi atau pegawai-pegawai perbadanan yang bakal diperkanunkan ini

dihantar keluar negeri, memadai—sesuai dengan hasrat kita hendak mencungkil kembali bakat-bakat seni daripada negara kita sendiri usaha-usaha tempatan dibuat. Misalnya, kita masih dapati lagi pada hari ini bahawa ada lagi tukang-tukang sama ada diiktiraf sebagai tukang yang bagus, paling bagus dan sebagainya, tetapi mereka ini adalah tukang-tukang yang masih lagi dapat menjalankan tugas-tugas ini.

Berbalik kepada pamiran yang pernah dibuat di Muzium Negara beberapa bulan yang lepas yang telah saya sebutkan tadi, ada satu pamiran ukiran kayu dan hari ini alhamdulillah telah dihidupkan profesionnya oleh pihak Lembaga Kraftangan MARA beberapa tahun yang lepas dan ini adalah satu perkara yang patut dicontohi oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan ini kalau hendak mencungkil bakat-bakatnya. Dengan memupuk orang-orang yang sedia ada dan dengan memberi galakan-galakan (incentives) yang tertentu dari berbagai-bagai segi, dari segi commercial maka saya rasa ini akan lebih berguna daripada kita menghantar penyelidik-penyelidik ke seberang laut hatta ke negara jiran kita yang pakar dengan ukiran kayu, tidak payah saya sebut di mana. Saya terpaksa mengatakan demikian kerana adalah semula jadi soal seni ini mungkin selera tempatan adalah berlainan daripada selera tempat-tempat yang lain.

Perkara yang kedua ialah soal penasihat. Soal yang berligar di kepala saya setelah saya membaca Rang Undang-undang ini ialah siapa hendak menjadi penasihat kepada siapa, adakah pegawai-pegawai yang pakai necktie hendak pergi nasihat kepada pak tukang-pak tukang yang tidak pernah kenal kasut dan selipar? Adakah pegawai-pegawai atau orang-orang yang kita sengaja latihkan di luar negeri yang saya maksudkan tadi dijadikan penasihat. Kalau nasihat dari cara simpan kira-kira—boleh, kalau nasihat dari segi cara mana hendak buat bangunan, pasaran—boleh. Tetapi kalau hendak beri nasihat bagaimana hendak mengukir, sorry. Ini bukan kena pada tempatnya.

Perkara yang ketiga dalam bahagian ini yang disebutkan tadi ialah soal pengembang (extension services). Dalam soal kita hendak

mengembang soal seni ini banyak perkara perlu diperhatikan, pertama sekali kepada siapa yang kita hendak kembangkan, mungkin oleh sebab orang-orang daripada perbadanan ini nanti terlalu ambitious, terlalu suka melihat hasil daripada kerja-kerja mereka mungkin terlalu cepat, alhamdulillah ini satu perkara yang bagus. Tetapi dalam soal ini kita perlu melihat dan sebagaimana saya sebutkan tadi kepada siapa kita hendak kembangkan? Orang yang kita hendak kembangkan ini pada hemat saya, yang pertama orang-orang ini perlu mempunyai minat, itu yang penting, tidak guna kita beri latihan kepada orang-orang yang mungkin tidak ada pekerja lain: masuk latihan, selepas masuk 2-3 bulan dapat peluang-peluang lain yang lebih maka dia cabut. Ini pernah berlaku kepada murid-murid sekolah yang kita hantar ke Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal, apabila lulus Sijil Menengah Vokesyenal yang sepatutnya masuk ke bidang vokesyenal tetapi minta kerja sebagai Pegawai Kerani. Ini salah sifirnya Tuan Yang di-Pertua. Dalam soal pengembangan ini saya mintalah supaya kita jangan terlalu laju sangat, carilah betul-betul orang yang kita hendak latih itu orang yang kita hendak kembangkan usaha-usaha ini orang-orang yang betul-betul berminat dan di samping itu pula kalau boleh kita utamakan kawasan-kawasan yang memang sedia wujud suasana atau keadaan yang demikian. Sebagai contoh saya suka mengambil Kelantan dan Trengganu. Kalau kita hendak mengembang soal anyaman maka pergilah ke Russila, Kuala Trengganu, tak usah pergi ke tempat lain, kembangkan dahulu Russila ini betul-betul kemudian barulah kita perembangkan atau berhijrah ke tempat lain dan kalau kita hendak memajukan soal perak maka pergilah ke Kelantan, tidak semua negeri Kelantan hanya dua daerah sahaja iaitu Kota Bharu dan Tumpat. Itu sahaja dan sedikit-sedikit di Pasir Mas kerana Pasir Mas bersempadan dengan Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal pemasaran. Sebagaimana yang saya contohkan sedikit-sedikit tadi dalam soal pemasaran ini satu perkara yang saya minta diperhatikan oleh tenaga perbadanan ini yang mungkin ditugaskan di bahagian pemasaran, yang pertama kalau sekiranya seni perak tentukan ukiran kita ini tidak sub-standard kalau dibandingkan dengan barang-barang

yang dikeluarkan oleh Thailand atau India umpamanya dan banyak lagi negara-negara lain.

Kalau sekiranya seni ukiran cap batik ini hendak kita eksportkan, tentukan batik kita ini tidak rendah mutunya daripada batik-batik yang diekspot oleh Indonesia umpamanya, sekarang hatta Singapura pun telah mempunyai kilang-kilang batik yang akibat daripada penghijrahan pekerja-pekerja mahir daripada Kelantan beberapa waktu dahulu. Seterusnya saya rasa dalam hal ini perbadanan ini patut benar bekerjasama dengan badan-badan yang lain, misalnya pada hari ini pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Pertanian telahpun mempunyai usaha-usaha dalam Kelas Latihan Kerja (KLK) dan KLK ini kalau digabungkan ada tempat yang kedua-dua badan ini dapat bekerjasama. KLK misalnya dalam pertukangan perak, dalam pertukangan tembaga dan sebagainya dan mungkin juga perkara ini perlu dititikberatkan kerana saya rasa patut kita perhatikan supaya tidak ada duplication di antara kerja-kerja yang sering dikatakan kita takut duplication sesama dengan pihak badan-badan Kerajaan saya maksudkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan supaya di dalam kita hendak menimbulkan bakat-bakat atau hendak membangunkan bakat-bakat atau hendak membanayakan bakat-bakat di kalangan orang-orang yang telahpun lebih kurang 10,000 orang yang terlibat dengan perusahaan batik, perak dan tembaga dan keluarga mereka yang terlibat 30,000 orang dan sebagainya dan 7,000 orang dari mereka dalam soal anyaman, jangan kita sekali-kali memberi satu pengharapan yang terlalu tinggi kepada mereka itu kerana di dalam masyarakat kita, terutama sekali masyarakat luar bandar kalau salah-salah kita beri pengharapan terlalu tinggi maka mungkin akan terjadi pula sepertimana peristiwa-peristiwa gadaian tanah yang telah saya sebutkan tadi.

Dalam usaha kita berkempen Buku Hijau, sebagai contoh sahaja, bukan hendak menyeleweng, kita meminta orang menanam tetapi kadang kala soal pasaran dan sebagainya itu tidak juga diperhatikan. Saya

bersyukur dan berterima kasih kepada pihak Kerajaan kerana ada disebutkan bahawa loji, jentera, peralatan yang diperlukan oleh perusahaan Kraftangan ini akan diadakan. Sekali lagi saya minta supaya perkara ini dipilih soal allocation, jangan oleh sebab kita hendakkan supaya tempat itu dekat dengan pelancung-pelancung maka kita pindahkan ke Kuala Lumpur ataupun ke Shah Alam ataupun di tempat-tempat yang disekitarnya. Apa yang dapat saya fikirkan kalau sekiranya perkara ini dipindah daripada tempat asalnya boleh jadi suasana tukang-tukang itu akan berubah dan boleh jadi juga keadaan tukang itu akan berubah dan mood seseorang itu dalam soal ukir-mengukir ini adalah penting. Begitu juga bagi seorang ahli seni kalau moodnya tidak betul segala kerjanya tidak berjalan betul. Jadi soal-soal selain daripada fizikal ini juga hendak diperhatikan dalam kita memikirkan soal hendak memajukan Lembaga Kraftangan ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita kadang-kadang terlupa bahawa apabila kita menjalankan kempen supaya sesuatu perkara diadakan kita terlupa bahawa kita ini adalah satu badan yang baru hendak mengadakan perkara ini. Maka badan ini perlu diberi perlindungan selain daripada perkara-perkara perlindungan yang saya sebutkan tadi, maka perlindungan juga hendaklah diberi dari segi pertandingan, persaingan daripada barang-barang yang diimport daripada luar negeri umpamanya. Saya tidak yakin barang-barang yang kita keluarkan ini buat permulaannya dapat menandingi barang-barang keluaran negara-negara atau negeri-negeri yang sudah maju, misalnya daripada negeri Filipina atau negeri China soal kain. Begitu juga sepertimana yang saya sebutkan tadi soal batik mungkin tidak dapat mengatasi negara-negara lain. Maka dalam hal ini perlu pihak Kementerian Kewangan memikirkan sesuatu perlindungan dari segi percukaian. Sekurang-kurangnya berilah masa yang tertentu (grace period) supaya anak yang baru cuba hendak hidup bersendirian ini dapat bergerak dan maju dengan sendirinya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi perlu diadakan kerjasama yang rapat dengan badan-badan Kerajaan, yang pertama sukan. Kalau sekiranya pihak Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan, Bahagian Sukannya dahulu dapat mengorientasikan programnya selaras dan seimbang dengan kehendak Lembaga Kraftangan ini banyak pertolongan yang dapat diberikan secara langsung atau secara tidak langsung kepada Lembaga Kraftangan ini. Misalnya kalau pihak Jabatan Sukan mengambil berat soal memajukan pertandingan gasing maka gasing-gasing akan dilahirkan, akan disediakan, bukan setakat gasing yang berpusing lama sahaja tetapi gasing yang cantik, gasing yang diukir begitu rupa kita pertandingan. Ini secara langsung boleh menolong menghidupkan atau menimbulkan bakat-bakat seni ukiran kayu melalui ukiran gasing yang diperbuat daripada kayu dan timah. Begitu juga kalau kita mengadakan pertandingan layang-layang atau di Kelantan dipanggil "wau". Bukan saya sekali-sekala berada di Kuala Lumpur, di Kedah, di Trengganu itu tidak cukup, kita adakan di peringkat-peringkat yang tertentu dan dalam ini begitu juga kita pertandingan soal kecantikan dan soal ukirannya. Maka saya percaya bakat yang terpendam dalam soal layang-layang ini akan timbul dan ini jelas dapat menolong mencungkil bakat-bakat dari segi ukiran melalui kertas. Begitu juga kalau kita memajukan alat-alatan muzik tradisional bukan sahaja dari segi kita mementingkan seni bunyinya sahaja tetapi kita mementingkan juga dari bentuk luarnya. Saya terpaksa menyebut bentuk luar kerana sesuatu bunyi itu kalau hendak diterangkan mengikut kehendak asalnya tidak boleh disentuh sangat dalam, kerana soal dalam itu akan menentukan bunyi macam mana sesuatu benda seperti serunai, rebana dan sebagainya. Kalau sekiranya ini direncanakan oleh pihak Jabatan Sukan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan maka ini boleh menolong dalam hal ini.

Begitu juga dari segi Jabatan Perumahan Negara tentukan bahawa rumah-rumah Kerajaan ataupun Jabatan Perumahan Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri tentukan rumah-rumah Kerajaan ini disulamkan dengan ukiran-ukiran seni. Misalnya, kita buat ukiran-ukiran seni dan ukiran-ukiran yang berbentuk bunga atau sebagainya dan kalau sekiranya ini dimulakan dengan disponsor oleh pihak Kerajaan atau Jabatan-jabatan maka seni yang seperti ini akan timbul sedikit demi sedikit. Begitulah

saya harap supaya pihak badan-badan yang lain juga dapat bekerjasama di samping kita mengharapakan Perbadanan Pelancungan Kebangsaan (TDC) sahaja dapat memberi pasaran secara langsung atau tidak langsung kepada bahan-bahan ini.

Saya berharap supaya pihak perbadanan ini apabila ditubuhkan nanti akan juga mengambil perhatian satu perkara lagi, iaitu di dalam kita hendak melantik pegawai-pegawai. Saya telah sebut sedikit-sedikit tadi tetapi saya hendak panjangkan sedikit lagi dalam soal ini. Dalam kita melantik pegawai-pegawai umpamanya pengerusi sendiri termasuk di sini. Saya yakin soal pengerusi ini tidak berbangkit kerana pihak Yang Berhormat Menteri tentu yakin ataupun bersetuju dengan saya kalau saya mengatakan tidak guna kita melantik orang yang tidak tahu soal ini. Begitu juga kalau kita melantik Ketua Pengarah daripada orang yang tidak pernah tengok perkara ini maka apa yang diarah oleh orang ini ialah soal-soal paper dan fail sahaja. Ini adalah soal seni. Soal seni dan kebudayaan adalah berkait rapat dengan soal-soal professionalism. Begitulah juga saya harap pengarah-pengarah yang lain yang mungkin dilantik di bawah Ketua Pengarah ini dalam bidang-bidang yang tertentu hendaklah terdiri daripada orang-orang yang betul-betul boleh membuat perkara ini. Dalam hal ini saya minta pihak yang berkenaan ini mengambil contoh daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, jangan kita hiraukan sangat soal kelayakan, mintalah kebenaran daripada JPA dalam soal-soal yang tertentu, misalnya kalau kita hendak orang yang menjadi pelawat atau supervisor dari segi ukiran kayu hendak cari yang lulus Universiti memang susah, tetapi jawatan itu jawatan kelas atas, kelas ijazah. Jadi hendaklah perkara ini diperhatikan kerana sekarang ini telahpun kalau tidak silap saya diamalkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dari segi seni di peringkat awalnya dahulu dan juga dari beberapa perkara sebagai pengajaran kepada anak-anak kita dari segi kebudayaan pada masa itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memadailah setakat ini dengan harapan bahawa Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

ini akan benar-benar menjadi suatu payung induk kepada timbulnya kembali bakat-bakat atau seni-seni yang terpendam bukan sahaja diperhatikan seni-seni atau ukiran-ukiran yang kita dapati di Semenanjung ini, tetapi lebih-lebih lagi banyak lagi seni-seni atau bakat-bakat atau bahan-bahan kebudayaan yang mungkin tidak sampai ke Semenanjung ini iaitu daripada Sabah dan Sarawak. Dengan ini saya pohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.03 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kraftangan Malaysia, 1979 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan. Saya ucap tahniah dan terima kasih kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri kerana membawa Rang Undang-undang ini dan menyedari bahawa selama ini Kraftangan yang telah diusahakan oleh rakyat Malaysia ini agak terbiar dan berjalan dengan sendirinya dengan tidak mendapat dorongan yang kuat daripada Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita melawat sesebuah negeri dan apabila kita hendak berangkat meninggalkan negeri itu kita akan teringat untuk membeli satu cenderamata, cenderamata yang dihasilkan oleh negeri itu sendiri untuk kenangan-kenangan lawatan kita ke negara yang tersebut. Cenderamata itu hendaklah bukan yang boleh kita dapati di dalam negara kita sendiri, hendaklah berlainan daripada cenderamata yang kita boleh dapat di lain-lain tempat. Oleh yang demikian adalah sangat perlu kita menghidupkan kraftangan tradisional ini yang banyak kita dapati di pendalaman, dicerok rantau di negara kita ini kalau kita rajin menyasat dan kalau kita rajin meneliti barang-barang ini. Selama ini memang banyak ahli-ahli dalam bidang kraftangan ini. Masalahnya mereka ini membuat barang-barang kraftangan ini adalah kerana dalam masa lapang mereka ini maka mereka menyediakan barang-barang ini sebagai perhiasan dan sebagainya ataupun kerana mereka ini sudah dapat ajaran dan didikan

daripada ibubapa dan datuk nenek dan mereka menghasilkan barang-barang ini untuk penggunaan sendiri dan tidak ada satu badan yang tertentu yang khusus untuk menggalakkan mereka ini menjadi barang-barang kraftangan itu salah satu mata pencarian. Sebaliknya kraftangan yang dihasilkan oleh orang-orang kita di pendalaman ini telah dipergunakan oleh ahli-ahli perniagaan di bandar untuk mendapat hasil yang paling lumayan.

Sebagai contoh, saya sebut ialah labu yang dihasilkan oleh orang-orang Sarawak. Labu atau dalam bahasa Inggeris kita panggil pottery, bukan orang Iban atau orang anak bumiputra itu yang dapat keuntungan, tetapi yang mendapat keuntungannya adalah ahli-ahli perniagaan, dibayar kepada orang-orang Iban yang menghasilkan barang-barang itu dengan gaji harian misalnya \$4, \$10, itu yang paling banyak tetapi taukeh yang menghasilkan ini yang telah mengusaha perusahaan ini mendapat keuntungan beratus-ratus ringgit. Sebuah pasu yang dihasilkan oleh anak bumiputra itu belanjanya tidak lebih daripada \$10 tetapi boleh dijual oleh pihak yang mengusahakan industri \$600 sebuah. Ini saya lihat dan saya dapati perkara ini di depan mata saya sendiri apabila pihak pelancung-pelancung datang membeli barang-barang tadi. Ini saya patut kepada Menteri yang berkenaan saya harap ahli-ahli kita dalam bidang ini dapat kita bagi peluang selain dia mengusahakan barang-barang kraftangan ini mereka akan dapat faedah yang maksima daripada hasil kraftangan yang mereka buat ataupun mereka reka sendiri, bukan orang lain menggunakan tenaga yang mereka keluarkan, kepandaian yang mereka keluarkan digunakan oleh orang lain untuk membuat keuntungan yang lumayan. Oleh yang demikian saya sangat-sangat menyokong perkara 7 iaitu dalam 7 (b) dan 7 (c) iaitu memandu mengorientasi, dan membantu tukang-tukang yang ada sekarang ke arah penggunaan cara-cara moden pengeluaran, pengurusan dan pemasaran. Kalau kita biarkan mereka ini, mereka akan dipergunakan oleh orang-orang tengah. Ini yang kita tidak mahu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, penggunaan barang-barang kraftangan selama ini adalah terhad, misalnya lekar yang digunakan oleh orang-orang kampung kita

untuk alas periok, alas belangga dan sebagainya. Mereka tidak tahu bahawa lekar ini kalau dihasilkan, kalau dibuat mengikut cara yang moden boleh digunakan di hotel-hotel, untuk mengisi buah-buah dan kalau ini dapat kita gunakan di hotel-hotel, lekar yang hanya boleh kita jual 20 sen itu dapat kita jual dengan harga \$5 atau \$10. Ini akan menghasilkan pendapatan yang paling lumayan kepada pencipta barang-barang itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam untuk hendak memajukan barang-barang ini pihak perbadanan ini patutlah memberi panduan kepada ahli-ahli kraftangan ini bagaimana hendak mencipta barang-barang ini supaya boleh digunakan, had kegunaannya itu tidak terhad dan boleh digunakan di tempat-tempat yang boleh mendatangkan keuntungan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, kita ambil contoh lagi tikar mengkuang dan pandan yang kita gunakan di rumah-rumah. Harganya kalau kita gunakan untuk kegunaan sendiri barangkali sekeping tikar \$10 tetapi kalau tikar itu juga kita gunakan sebagai hiasan dinding, misalnya, dalam hotel-hotel besar, ini akan mendapat harga yang lebih baik dan lebih lumayan. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap perbadanan ini dalam untuk memajukan dan meluaskan pasaran barang-barang kraftangan ini hendaklah membuat satu syarat ataupun menggesa pihak pengusaha hotel menggunakan barang-barang ini sebagai hiasan dalam hotel mereka dan dalam tempat-tempat perniagaan sebagai menunjukkan bahawa negara kita ini mempunyai banyak barang-barang yang boleh kita ketengahkan.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya tidak sependapat dengan rakan saya Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi yang menyatakan bahawa pengusaha kraftangan itu hendaklah jangan dipindahkan, misalnya, dari Kelantan kita pindahkan ke Kuala Lumpur, sebab Kuala Lumpur ini menjadi tempat tumpuan perlancongan. Saya tidak bersetuju dengan pendapat beliau atas alasan pembatik-pembatik di Kelantan tidak mendapat pasaran yang lumayan, mereka hanya boleh menjual batik basahan dengan harga \$10—\$20 tetapi pembatik dari Kelantan itu dipergunakan oleh peniaga-peniaga di Pulau Pinang, di tempat

saya sendiri. Mereka hanya disuruh menjalankan kerja membatik dan pengusaha perlancongan tadi mendapat \$10,000 apabila sesebuah bas perlancongan datang. Barang-barang yang mereka beli itu tak kurang daripada \$10,000 tetapi pembatik itu atau pencipta batik itu hanya mendapat \$20 sehari. Jadi saya tidak sependapat dan saya harap pihak perbadanan ini dapat menyediakan tempat-tempat “batik demonstrations” bagaimana orang-orang ini mengusahakan batik. Di Pulau Pinang sudah ada 4-5 buah tempat pertunjukan, di luarnya ditunjukkan dituliskan batik demonstration cara-cara hendak membuat batik daripada kain putih sehingga menjadi batik. Pelancong-pelancong yang datang itu kalau tak beli pun di kenakan \$5—\$6 untuk melihat bagaimana batik-batik itu diusahakan. Inipun sudah mendatangkan hasil kalau seorang dikenakan \$5, kalau 40 orang pelancong sebuah bas sudah beratus ringgit pengusaha tadi dapat wang.

Selain daripada pembatik ini kita tumpukan di satu tempat, mereka juga patut kita ajarkan bagaimana hendak menguruskan perniagaan batik ini mendapat keuntungan yang lebih lumayan. Saya sangat bersetuju dengan Fasal 8 (i) iaitu menubuhkan gudang-gudang untuk menyimpan keluaran-keluaran kraftangan dan bahan-bahan mentah bagi membuat keluaran-keluaran kraftangan.

Selama ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak pembatik-pembatik kita bila sudah mendapat langganan daripada luar negeri untuk menyediakan bahan-bahan itu pada satu ketika mereka telah kekurangan bahan-bahan mentah, misalnya, kain putih susah hendak dapat. Ini menyebabkan perjanjian yang mereka buat dengan pihak pemesan tadi telah terbantut dan mereka kadangkala oleh sebab tidak dapat memenuhi perjanjian itu telah kerugian. Jadi dengan adanya Kerajaan bercadang untuk menubuhkan gudang-gudang untuk menyimpan keluaran-keluaran kraftangan ini dan bahan-bahan mentah, maka dapatlah diatasi segala kesulitan atau masalah yang dihadapi oleh tukang-tukang batik dan kraftangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong penuh Akta ini dan saya harap dengan wujudnya Akta ini akan dapat meninggikan lagi taraf hidup dan pendapat ahli-ahli kraftangan kita terutamanya daripada kaum Bumiputra.

5.15 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu-alukan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979. Tugas perbadanan ini adalah sangat luas dan memberi berbagai kemudahan dan pertolongan yang sangat-sangat diperlukan oleh pengusaha-pengusaha khususnya pengusaha Bumiputra yang terbiar dan tertinggal dengan tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Saya rasa masanya telah sampai bagi perbadanan ini menumpukan perhatian yang sungguh-sungguh tanpa membuang masa untuk mencari jalan dan berikhtiar bagi membantu pengusaha-pengusaha Melayu yang sangat berkehendakkan pertolongan dan bantuan.

Kita sering mendengar bagaimana pengusaha-pengusaha Melayu di Pantai Timur khususnya di Kelantan dan Trengganu yang mengalami berbagai masalah untuk mendapatkan pasaran atas usaha-usaha kraftangan mereka seperti perusahaan kain songkit dan kain batik yang mengalami tekanan teruk di atas perusahaan mereka dan ada juga yang terpaksa menutup perusahaan mereka akibat kesukaran mendapat bahan-bahan seperti kain putih dan akhirnya terpaksa gulung tikar.

Orang-orang tengah selalu mempermainkan peranan atas pengusaha-pengusaha orang-orang kampung ini. Mereka menggunakan berbagai tektik dan alasan bahawa kraftangan mereka kurang memuaskan, mutunya rendah dan sukar untuk mendapat pasaran di bandar. Dengan kerana itu harga yang diberikan adalah terlalu rendah. Mereka adalah menjadi mangsa tokeh-tokeh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kraftangan tradisional boleh didapati dengan banyaknya di Kelantan seperti tukang emas, tukang perak, tukang tembaga, tukang ukiran kayu. Sekarang terkenal dengan aktif. Tukang keris dan perhiasan di rumah-rumah kebanyakannya boleh didapati dengan banyak di Kelantan, begitu juga di Trengganu dan di tempat-tempat lain tetapi yang mendukacitakan kita ialah pasarannya terlalu terhad. Jualannya hanya bergantung kepada pelancung-pelancung dan sedikit-sedikit daripada pembeli tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah banyak memperhatikan di beberapa buah negeri di

rantau ini yang banyak menggunakan hasil bahan asli seperti kulit kerang, kulit siput, manik dan berbagai lagi yang mudah boleh didapati di pantai di tepi laut kita. Bahan-bahan asli ini jika dikaji dengan halusnya ia boleh mendatangkan hasil yang banyak dari segi pemasarannya. Buktinya di Filipina, Thailand, Jepun dan Taiwan, bahan-bahan asli ini digunakan dengan banyak sebagai satu hasil jualan ke luar negeri, bukan sahaja untuk perhiasan bahkan menjadi bahan-bahan ukiran yang ditempatkan di rumah-rumah.

Semenjak akhir-akhir ini Batik Malaysia telah mendapat pasaran yang luas, dalam pada itu terdapat juga batik tiruan yang diperbuat oleh Singapura dengan menggunakan pemuda-pemuda Melayu dari Kelantan dengan diberi gaji yang tinggi tetapi mereka ini hanya diperalat untuk sementara sahaja dan selepas kepandaiannya didapati mereka tidak dikehendaki lagi. Akhirnya, Batik Malaysia terpaksa bertanding dengan batik tiruan. Kadangkala pengeksport lebih tertarik dengan batik-batik tiruan itu dan akhirnya pembatik-pembatik Melayu di Kelantan dan Trengganu menerima berbagai tekanan dan melibatkan pasaran mereka yang menyulitkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perbadanan ini sebagai satu agensi Kerajaan maka saya mengharapkan bahawa pegawai-pegawainya hendaklah dihantar menyiasat di mana-mana adanya perusahaan-perusahaan Melayu untuk diberi nasihat dan tunjuk ajar bagaimana dapat meninggikan mutu keluaran kraftangan mereka supaya dengan cara ini ia akan dapat memberi dorongan yang sangat berfaedah kepada orang-orang kita di luar bandar. Saya juga ingin mengesyorkan bahawa pegawai-pegawai perbadanan ini hendaklah dihantar meninjau kemajuan-kemajuan yang dicapai di negeri-negeri jiran kita yang telah begitu maju dalam soal kraftangan ini. Usaha-usaha yang bersungguh-sungguh adalah sangat-sangat diperlukan untuk kemajuan dan faedah negara kita. Kita mempunyai ramai penuntut-penuntut yang gagal peperiksaan di dalam SRP dan SPM, mereka ini bukan sahaja boleh diambil berlatih malah boleh diberi dalam berbagai kursus seperitimana yang diadakan di Dusun Tua di mana belia-belia itu diajar untuk berdikari khususnya untuk berniaga, insya Allah nampaknya usaha-usaha Kerajaan sekarang

ini terbukti dan ini boleh kita lihat di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur yang mana terdapat belia-belia kita menumpukan minatnya di dalam berbagai lapangan perniagaan. Sekiranya usaha-usaha seperti ini dapat kita tumpukan saya percaya hasil kraftangan orang-orang kampung akan dapat pembelaan yang lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

6.22 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang dan saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain ikut mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian yang telah dapat mengadakan suatu Rang Undang-undang serupa ini bagi melahirkan suatu perbadanan yang berasingan daripada MARA, suatu perbadanan yang ditugaskan khusus untuk memajukan usaha seni pertukangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kraftangan adalah satu istilah baharu, istilah aslinya ialah kesenian rakyat. Jadi kraftangan adalah mempunyai hubungan yang erat dengan karya seni rakyat dan seni merupakan satu daripada ciri-ciri yang terpenting bagi keperibadian rakyat dalam sesebuah negara. Oleh kerana itu orang melihat, orang luar terutamanya melihat sesuatu bangsa itu, mengukur sesuatu bangsa itu bukan daripada berapa banyak kekayaan hasil bumi, kekayaan khazanah yang terdapat di dalam sesebuah negara itu tetapi mereka mengukur dari berapa tinggi nilai seni yang mampu dilahirkan oleh rakyat sesebuah negara itu.

Sebagai contoh Pulau Bali adalah sebuah pulau yang terpisah daripada perjalanan udara dan laut tetapi Pulau Bali terkenal di seluruh dunia kerana pantainya, banyak orang silap faham bahawa Pulau Bali terkenal kerana pandangannya yang indah, pantainya yang putih bersih sedangkan pada pendapat saya pantai Pulau Bali itu tidak dapat pun ditandingkan dengan pantai-pantai yang terdapat di negeri Trengganu, Kelantan, Pulau Langkawi dan sebagainya yang terdapat dalam negara kita. Tetapi apa yang menyebabkan Pulau Bali masyhur di seluruh

dunia sampai kepada empat penjuru alam ialah kerana keindahan hasil seni rakyatnya sehingga seluruh Pulau Bali itu merupakan daya cipta seni. Setiap rumah tidak akan lengkap dan tidak akan dipanggil rumah dengan tidak ada karya seni yang terdapat di dalam rumah dan di perkarangan rumah itu. Demikianlah pentingnya pengaruh hasil seni itu kepada keberbadian sesuatu bangsa. Maka demikian itu adalah wajar kita di Malaysia ini sementara kita mengejar kemajuan fizikal, sementara kita mengejar sains dan teknologi, kita juga harus berusaha memupuk dan menyegarkan hasil-hasil seni tradisional yang telah diusahakan turun-temurun yang kita pusakai daripada nenek moyang kita dan yang sedang mengalami apa yang kita panggil zaman krisis, kalau kita tidak melakukan sesuatu usaha yang positif ke arah menyegarkan usaha perusahaan seni itu maka lambat-bangat perusahaan itu akan ditelan oleh arus kemajuan sains dan teknologi, kemajuan fizikal, kemajuan ekonomi, kemajuan lain-lain yang kadang-kadang bertentangan dan yang anti-seni.

Saya amat tertarik bahawa Rang Undang-undang ini dalam Perkara 7 (2) dengan tegas mengatakan untuk memberi perlindungan istimewa kepada tukang-tukang tradisional. Ini adalah suatu langkah yang amat dialu-alukan oleh kerana kalau tidak ada tukang, tidak ada ahli seni, tidak ada karyawan seni maka seni itu tidak ada. Syarat yang utama sekali yang mesti kita usahakan ialah kita mesti memupuk, memelihara karyawan-karyawan seni itu, selepas itu cubalah kita mencari jalan menimbulkan bakat-bakat baharu untuk mengambil alih karyawan-karyawan seni yang tua-tua yang barangkali akan meninggalkan kita tidak lama lagi supaya hasil seni kita akan terus sambung-menyambung wujudnya di negara kita ini. Demikian itu maka adalah penting bahawa bukan sahaja perbadanan ini harus mencari usaha menjalankan untuk melindungi kepentingan istimewa tukang-tukang tradisional tetapi juga haruslah Fasal 7 (2) ini dilebarkan, diperluaskan takrif supaya ia juga meliputi pada usaha-usaha untuk melatih dan mewujudkan golongan karyawan-karyawan baharu supaya pusaka yang kita terima itu akan terus dapat kita majukan pada masa hadapan.

Dan pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, tempat yang paling elok sekali untuk

melakukan usaha ini ialah dengan mengadakan satu macam latihan di sekolah-sekolah menengah dan di sekolah-sekolah tinggi sebagai tambahan kepada matapelajaran-matapelajaran yang mereka pelajari pada masa ini. Saya percaya ada di antara anak-anak kita yang sedang belajar di sekolah-sekolah, baik di sekolah tinggi mahu pun sekolah menengah mempunyai minat, setengah-setengah mereka mempunyai minat barangkali mereka datang daripada keluarga orang-orang seni dan orang-orang ini mempunyai darah seni dalam badan mereka dan orang-orang ini perlu dilatih, perlu diberi tunjuk ajar dan perlu digalakkan supaya bakat (talent) yang ada dalam dada mereka itu tidak terbuang percuma semata-mata

kerana kita mahu mereka mengejar pelajaran akademik. Saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan berunding dengan Yang Berhormat Menteri Pelajaran bagi mencari jalan untuk melaksanakan apa yang saya syorkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, 12hb Jun, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.